

DOA PUASA KEBANGSAAN

31 HARI

1 - 31 MAC 2024



SIB
SEMENANJUNG



BEM
SARAWAK



SIB
SABAH

SIDANG INJIL BORNEO (SIB/BEM)
(SABAH, SARAWAK, SEMENANJUNG)



Isi Kandungan

<u>1</u>	Ucapan Presiden SIB Sabah
<u>2</u>	Ucapan Presiden BEM Sarawak
<u>4</u>	Ucapan Presiden SIB Semenanjung
<u>5</u>	Ucapan Koordinator Doa Puasa Kebangsaan
<u>6</u>	Kaedah Doa Puasa
<u>8</u>	Bahagian 1: SIB Sabah Warisan Pendoa & Doa Denominasional
<u>20</u>	Bahagian 2: BEM Sarawak Membuka Gerbang & Doa Nasional
<u>33</u>	Bahagian 3: SIB Semenanjung Gereja Kuat; Generasi Kuat & Doa Internasional
<u>56</u>	Penghargaan

UCAPAN PRESIDEN

SIB SABAH

Salam kasih dalam Tuhan Yesus Kristus.

Kita bersyukur kerana atas kasih dan anugerah Tuhan kepada kita telah diberikan kesempatan untuk menjalankan Doa Puasa Nasional pada tahun 2024. Tahniah saya ucapkan kepada jawatankuasa pelaksana yang berusaha untuk menyiapkan buku ini agar dapat digunakan sepanjang bulan puasa ini.

Dalam semangat perpaduan, marilah kita mengangkat pandangan kita secara kolektif ke arah visi yang dipimpin oleh Firman Tuhan. Semoga misi kita terus didorong oleh kasih, kebenaran dan tugas untuk menjadikan semua bangsa murid-Nya. Semasa kita berdoa bersama, biarlah hati kita terbuka kepada pimpinan Roh Kudus, mencari bimbingan ilahi untuk langkah-langkah yang kita ambil sebagai orang Kristian.

Kita berdiri di atas bahu mereka yang telah mendahului kita, menyaksikan kuasa Tuhan yang mengubah melalui kebangunan rohani yang lalu. Semasa kita merenung sejarah kebangkitan, marilah kita diilhami oleh kesetiaan para jemaah kita yang lalu dan kehadiran Tuhan yang tidak dapat dinafikan semasa kebangkitan. Semoga kesaksian mereka berfungsi sebagai suar, mengingatkan kita tentang kerja ajaib yang boleh dilakukan Tuhan apabila umat-Nya bersatu dalam doa dan pertaubatan.

Dengan hati yang penuh pengharapan, marilah kita bersyafaat untuk generasi baru. Berdoa untuk kebangkitan yang menerobos perpecahan generasi, menawan hati remaja kita dengan mesej kasih sayang dan rahmat Tuhan yang tidak berubah. Semoga Roh Kudus bergerak dalam kalangan golongan muda, menyalakan semangat untuk Kristus yang mengubah kehidupan, komuniti dan negara kita.

Ketika kita berkomitmen dalam Doa Nasional ini, biarlah harapan kita berlabuh pada janji-janji Tuhan. Dengan mempercayai kesetiaan-Nya, kita menjangkakan kejayaan, penyembuhan dan tujuan yang diperbaharui untuk kehidupan kita. Semoga doa dan puasa pada tahun ini menjadi pemangkin untuk kebangkitan peribadi, mengukuhkan hubungan kita dengan Tuhan dan menguatkan impak kita kepada dunia di sekeliling kita.

Dalam kesatuan dan kerendahan hati, marilah kita mencurahkan isi hati kita di hadapan takhta rahmat, mencari belas kasihan dan perkenanan Tuhan. Semoga Doa Nasional ini bukan sahaja menjadi pemangkin untuk kebangkitan yang berkekalan yang melanda seluruh negara kita, tetapi juga membawa perubahan dan kemuliaan kepada nama Yesus. Tuhan memberkati.

Rev. Datuk Ir Jerry W. A. Dusing
Presiden SIB Sabah

UCAPAN PRESIDEN

BEM SARAWAK (1/2)

DOA DAN PUASA DALAM GEREJA AWAL:

Pujian dan ucapan syukur kita naikkan kepada Allah pencipta langit dan bumi serta segala isinya. Oleh kerana limpah rahmat-Nya, kita dapat bersua kembali di dalam **“BUKU BAHAN DOA TIGA WILAYAH 2024”**

Dalam kitab Kisah Para Rasul, perkataan “doa” disebut lebih daripada tiga puluh kali. Biasanya apabila perkataan “doa” disebut, sesuatu penerobosan atau mukjizat terjadi yang menjurus kepada perkembangan gereja awal.

Sebagai contoh, Kisah Para Rasul 12:1-19, pengutusan mubaligh pertama keluar dari gereja Anthiok melayani antara orang bukan Yahudi terjadi akibat doa dan puasa. Ketika mereka sedang beribadah kepada Tuhan dan berpuasa, Roh Kudus berkata kepada mereka, “Khususkanlah Barnabas dan Saulus bagiku untuk tugas yang telah ditentukan Tuhan bagi mereka...maka berpuasa dan berdoalah mereka dan...membiarkan keduanya pergi.”

Kisah Para Rasul 12:1-19, “...Petrus ditahan di dalam penjara...tetapi jemaat dengan tekun mendoakannya kepada Allah...sekarang tahulah aku benar-benar bahawa Tuhan telah menyuruh malaikat-Nya dan menyelamatkan aku dari tangan Herodes...”

DOA DAN PUASA DALAM PERKEMBANGAN GEREJA SIB/BEM:

BEM dimulakan dengan banyak doa dan berpuasa bersama di Australia untuk mendoakan Pelayanan Misi yang dilakukan dalam kalangan suku Dayak di Pulau Borneo. Mereka telah memulakan Pelayanan Misi di Pulau Borneo pada tahun 1928. Pada awal tiga-puluhan, BEM bertumbuh dengan pesatnya di mana suku Lun Bawang yang menetap di sebelah Utara Sarawak meninggalkan kepercayaan lama lalu menganut agama Kristian secara besar-besaran.

Namun demikian, pada awal empat-puluhan, iman mereka mulai merosot dan ada yang telah meninggalkan Tuhan. Ini disebabkan oleh beberapa perkara seperti;

- i. Peperangan Korea terjadi di mana harga getah melambung tinggi sehingga anggota BEM mengutamakan kekayaan duniawi lebih daripada mencari Tuhan
- ii. Pada tahun 1948, seorang Lun Bawang telah dibunuh oleh seorang suku lain setelah dilayani dengan baik oleh mangsa. Ini membuatkan Lun Bawang menuntut pembalasan.
- iii. Pada tahun 1950, wabak penyakit berjangkit telah membunuh banyak orang, sehingga mereka kembali kepada kepercayaan yang lama untuk meminta kesembuhan.

UCAPAN PRESIDEN

BEM SARAWAK (2/2)

Oleh yang demikian, para mubaligh sedar hanya kebangunan rohani saja yang dapat mengubah dan memulihkan keadaan jemaat BEM sehingga mereka menyebarkan berita kepada semua pembantu BEM untuk berdoa dan berpuasa supaya Tuhan melawat BEM dan mendatangkan kebangunan Rohani.

KEBANGUNAN ROHANI DALAM SIB/BEM TERJADI AKIBAT DOA & PUASA:

Pada tahun 1952, kebangunan rohani terjadi di Sekolah Alkitab Lawas. Ini adalah hasil daripada doa bersama setelah kematian seorang anak yang berumur tiga tahun iaitu Pengiran Singa Achang, yang mati lemas. Pada 1971, sekali lagi satu kebangunan rohani terjadi di tempat yang sama antara guru-guru dan pelajar. Pada tahun 1971, kebangunan rohani terjadi di Bandar Miri, Long Atip, Long Temarub dan Long Liam. Pada tahun 1973, kebangunan rohani yang terjadi di Bario telah merebak ke seluruh Sarawak dan Sabah.

Doa bukan sebagai “booster” untuk menerima kuasa, tetapi ianya adalah bahagian daripada Pelayanan Misi dan kehidupan SIB/BEM. Jika Tuhan telah melawat SIB/BEM pada tahun- tahun yang sudah setelah mereka berdoa dan berpuasa, kita juga percaya Allah dapat melakukan hal yang sama di generasi kita. Marilah kita Tiga Wilayah bersatu di dalam doa dan puasa.

Rev. Bina Agong

Presiden Borneo Evangelical Mission

UCAPAN PRESIDEN

SIB SEMENANJUNG

Salam sejahtera dalam nama Yesus Kristus, Tuhan dan Penyelamat kita. Saya amat bersyukur atas usaha 3 Wilayah BEM/SIB menganjurkan Doa Nasional bagi tahun 2024. Gereja BEM/SIB harus mengekalkan momentum doa dalam semua peringkat gereja dan pelayanan di ketiga-tiga wilayah iaitu Sarawak, Sabah dan Semenanjung kerana doa adalah kekuatan rohani orang-orang percaya iaitu gereja Tuhan. Semakin giat gereja-gereja BEM/SIB berdoa maka bertambah momentum rohani dalam kehidupan jemaah dan pelayanan gereja kita. Iklim rohani gereja akan berubah, kehausan rohani jemaah akan meningkat dan impak pelayanan gereja akan semakin kuat.

Doa harus menjadi keutamaan dan fokus kita dalam berjemaah kerana Tuhan Yesus memberi teladan bahawa doa adalah keutamaanNya semasa pelayananNya di dunia ini seperti yang tertulis dalam kitab-kitab Injil. Kesaksian Jemaah Pertama dalam kitab Kisah Para Rasul menjelaskan bahawa mereka tekun berdoa, sehati dalam doa, dan mengutamakan kehidupan doa, maka impak kesaksian iman mereka melalui penginjilan dan pertumbuhan gereja amatlah kuat dan berpengaruh meskipun mereka berhadapan dengan tekanan dan penganiayaan yang berat.

Semoga doa nasional atau doa gabungan tiga wilayah BEM/SIB 2024 ini akan menyemarakkan kerjasama dan kesatuan seluruh jemaah BEM/SIB di 3 wilayah. Doa kita agar Tuhan Yesus berkenan untuk memberkati dan memakai gereja-gereja BEM/SIB di Sarawak, Sabah dan Semenanjung untuk penuaian jiwa-jiwa, kebangunan rohani dan pertumbuhan gereja di Malaysia ini.

Bertekun Dalam Doa

Rev. Simon Petrus Markus
Presiden SIB Semenanjung

UCAPAN KOORDINATOR DOA PUASA KEBANGSAAN

Reverend Thenny M. Ali
Setiausaha Agung, SIB Sabah

Belum pernah dalam ingatan saya, Kepimpinan SIB/BEM (Sabah, Sarawak dan Semenanjung) begitu diyakinkan dalam roh masing-masing bahawa inilah masanya SIB/BEM bangkit, dan memimpin di baris hadapan bagi penggerakan Doa Puasa Kebangsaan yang diselaraskan secara serentak di semua gereja-gerejanya seluruh Malaysia. Sebagai salah satu denominasi dengan anggota arang asal yang paling ramai di tanah air ini, saya selalu percaya bahawa antara panggilan profetik SIB/BEM adalah untuk lebih bersungguh-sungguh menunaikan panggilan pelayanannya sebagai orang-orang yang dibenarkan oleh Allah di masa yang genting di zaman akhir ini.

Mengapa Doa Puasa Kebangsaan 31 Hari (DPK31) SIB/BEM?

Pertama, kita dipanggil untuk meremajakan dan menyelaraskan tekad dan kesatuan iman kita untuk mendoakan kesejahteraan tanah Malaysia (Yeremia 29:7).

Kedua, meneruskan kesungguhan tangisan dan rintihan kepada Allah oleh orang-orang asal tanah ini supaya kebangunan rohani akan tercetus dalam skala besar. Kepimpinan SIB percaya melalui penyelarasan doa dan puasa selama 31 hari, seperti mana umat Allah menyelaraskan doa dan puasa mereka dibawah pimpinan ratu Ester (Ester 4:16), manifestasi kuasa Roh Kudus menjadi nyata sehingga berlakunya pertaubatan dan penuaian jiwa berskala besar di tanah ini.

Ketiga, kita bersepakat menaikkan doa-doa kita supaya kematangan dan kesatuan iman jemaahnya diperkasakan sehingga gereja-gereja bangkit untuk memulihkan dan mengokohkan mezbah doa dalam gereja masing-masing di seluruh tanah air (Markus 11:17).

Kepimpinan SIB/BEM menjemput anda untuk mengambil bahagian dalam DPK31 SIB/BEM. Melalui kesungguhan doa dan puasa yang terancang dan bersatu, suara kita untuk memohon intervensi Allah terhadap perkara-perkara denominasional, nasional dan internasional pasti akan mendapat tempat dalam hati Bapa di syurga. Kesungguhan dan kesatuan kita pasti akan membuka jalan bagi keajaiban-keajaiban yang akan dilakukan-Nya dengan cara-Nya yang misterius.

Saya amat teruja mengajak anda untuk memulakan perjalanan DPK31, suatu disiplin rohani yang mampu untuk mengubah hidup kita dan mengeratkan hubungan kita dengan Allah yang hidup dan berkuasa. Semoga perjalanan rohani ini menjadi sumber pembaharuan dan penyatuan rohani bagi setiap orang percaya dalam SIB/BEM. Melalui ketekunan dan pengabdian kita yang teguh, mari kita lahirkan satu gelombang kehausan dan kelaparan rohani yang meluas jauh melebihi dinding bangunan gereja.

KAEDAH BERDOA PUASA

Yehezkiel 22:30 (TB)

30 “Aku mencari di tengah-tengah mereka seorang yang hendak mendirikan tembok atau yang mempertahankan negeri itu di hadapan-Ku, supaya jangan Kumusnahkan, tetapi Aku tidak menemuinya.



Dalam Nama Allah kami dan Tuhan Yesus Kristus yang Maha Kuasa dan Tuhan yang Berdaulat atas Malaysia, kami datang di hadapanMu pada saat ini sebagai umatMu; Kami datang dengan penuh penyesalan dan hati yang bertaubat:

(1) Kami bertaubat atas dosa kami dan dosa pemimpin atas negara kami.

Bila masa kami menggunakan politik dengan diskriminasi kaum & ekstremisme agama, ketidakbenaran dan ketidakadilan. Kami membenarkan rasuah bertelaluasa, kami membenarkan roh kami bersikap tidak peduli, mengeraskan hati atau berputus asa kerana keadaan di tanah kami. Kami membuka pintu bagi roh ketakutan, mistik dan tradisi animisme di tanah kami. Ketidakadilan memasuki tanah kami dan kami telah menjadi tumpuan utama bagi pemerdagangan manusia secara global.

(2) Kami bertaubat atas dosa terdalam bagi negara kami kerana dosa adalah celaan bagi-Mu dan kutukan atas tanah kami.

Ampuni kami bagi dosa pelanggaran dari pemerintah kami. Kami berseru akan pengampunan kepada Mu hari ini. Selimuti kami dengan darah anak-Mu Yesus dan ampunilah kami! Biarlah kasih karunia dan rahmat mengalir atas seluruh hidup kami dan menyembuhkan kami. Tebuslah, perbaharuilah dan bangkitkanlah kami kembali! Pulihkanlah tanah kami! Hanya Engkaulah harapan kami. Tanpa Engkau ya Tuhan, kami tidak memiliki apa-apa dan tidak ada yang dapat kami lakukan.

(3) Biarlah darah Yesus mengalir pada hari ini untuk membatalkan setiap kutukan dan setiap roh sihir di tempat yang tinggi.

Kami memohon darah Yesus akan mematahkan setiap kuasa kegelapan yang menguasai tanah kita. Kami memohon darah Yesus akan membongkar dan memusnahkan rasuah, ketidakadilan dan penipuan di tempat yang tinggi dalam negara kami. Kami memohon roh-Mu akan sesungguhnya menyatukan kami sebagai SATU gereja yang beriman, dengan hati dan suara yang sama, visi yang sama bagi tanah kami. Kami memohon bahwa Engkau akan membangkitkan pemimpin yang penuh iman dari generasi baru yang akan mendengar suaraMu, yang dipenuhi oleh Roh Kudus, yang menurut hatiMu, untuk memimpin kami.

(4) Biarlah kebangunan rohani yang besar turun dan tinggal di tanah kami sekali lagi!

Kami memerintahkan agar kebangunan rohani akan datang ke tanah kami dan ke gereja kami di kedua belah Timur dan Barat Malaysia: akan terjadi pertaubatan, keselamatan, tanda-tanda dan mujizat-mujizat, jiwa-jiwa berpaling kepadaMu, sukacita, iman dan kasih di dalam GerejaMu!

Kami memerintahkan agar tanah ini akan dipenuhi dengan pengetahuan akan kemuliaan Tuhan seperti air yang meliputi lautan. Kami memerintahkan agar kemuliaan-Mu akan memenuhi negara kami sehingga nama Yesus akan diangkat tinggi atas tanah kami, sehingga malu kami akan dipadamkan, negara kami akan makmur, pemulihan kaum akan mengambil tempat, pemimpin yang benar dan adil akan bangkit di tanah kami.

Kami memerintahkan agar gereja-Mu akan bertumbuh kuat untuk berdiri teguh dalam kesusahan dan penganiaan dan tidak akan takut tetapi berdiri teguh dalam iman kerana kita melebihi dari semua penguasa melalui Kristus yang mengasihi kita. Kami memerintahkan agar ada roh bersyafaat berdoa, memuji menyembah & ucapan syukur dan iman dalam gereja Mu. Kami memerintahkan agar tiada, sesungguhnya tiada yang dapat mengatasi tujuanMu dan gerejaMu atas tanah ini.

Kami mengisytiharkan bahwa Engkaulah empunya Kerajaan, Kuasa dan Kemuliaan selama-lamanya. Amin!

BAGAIMANA BERDOA DAN BERPUASA?

PUASA PENUH

Mengelak dari makan makanan yang pejal. Mengambil air sahaja. Sila minta nasihat doktor untuk melakukan puasa penuh.

PUASA SEPARA

Elakkan makanan pejal dalam tempoh 12 jam iaitu contohnya dari jam 7.00 pagi hingga 7.00 petang. Mengambil air sahaja. Puasa boleh bermula dari seawal jam 12.00 awal pagi hingga jam 7.00 petang. Akhiri puasa dengan makanan sayuran, bijiran dan jus.

PUASA MAKAN SEKALI SEHARI

Tidak makan hidangan penuh sehari. Contoh: Ambil salah satu makan tengahri atau makan malam. Tidak ada sarapan pagi. Puasa hendaklah berlangsung sehingga hidangan makanan yang berikutnya. Contoh: Dari Makan Malam Hari Selasa Hingga Ke Makan Malam Hari Rabu.

PUASA DISIPLIN

Puasa ini membuat komitmen untuk tidak aktif dalam media social selama sebulan, tidak menonton televisyen atau wayang selama sebulan, membuang semua ketagihan selama sebulan. Setelah sebulan anda meneruskan gaya hidup yang baru dalam kekuatan Tuhan.

BAHAGIAN 1

WARISAN
PENDOAFOKUS :
DOA
DENOMINASIONAL

HARI 1 - JUMAAT - 1 MAC 2024

Renungan : Panggilan Untuk Berdoa

Bacaan Alkitab : Matius 6 :5-15

“Apabila kamu berdoa, janganlah seperti orang munafik. Mereka suka berdoa sambil berdiri di saumaah dan di simpang jalan supaya dilihat orang. Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, mereka itu sudah pun mendapatkan ganjaran mereka”. **Matius 6:5**

Berdoa adalah cara orang percaya berkomunikasi dengan Allah, tetapi doa juga boleh dieksploitasikan oleh manusia untuk mencari keuntungan dan kepentingan diri sendiri sepertimana orang-orang yang ditegur oleh Tuhan Yesus Kristus dalam ayat pembacaan di atas. Ketika seseorang berdoa dengan motivasi yang tidak benar, dia adalah orang yang munafik. Berdoalah dengan jujur di hadapan Allah dan manusia bagi tujuan yang benar kerana Allah mengetahui doa yang jujur dan doa yang tidak jujur. Allah mendengar dan menjawab doa yang benar dan jujur.

Bahan Doa

1. Doakan gereja Sidang Injil Borneo/Borneo Evangelical Mission (Sabah, Sarawak dan semenanjung) supaya gereja ini terus menjadi gereja pribumi yang memuliakan Allah di dalam setiap hal.
2. Doakan supaya gereja SIB/BEM terus dipakai Tuhan untuk membawa jiwa-jiwa untuk diselamatkan bagi Allah.
3. Doakan semua pergerakan pelayanan SIB/BEM supaya melalui ini, mandat agung Tuhan Yesus Kristus untuk menjadikan semua bangsa menjadi muridnya menjadi kenyataan.
4. Doakan supaya gereja SIB/BEM akan terus berdiri teguh sebagai gereja pribumi yang tetap berkembang, relevan dan memuliakan Allah.
5. Doakan supaya gereja SIB/BEM akan tetap dapat bersatu sebagai sebuah keluarga besar Allah di seluruh Malaysia. Berdoa supaya kerjasama pelayanan di antara ketiga wilayah SIB/BEM ini akan terus menjadi kuat dari tahun ke tahun.
6. Berdoa supaya melalui doa dan puasa 31 hari tiga wilayah ini, semua jemaah Tuhan akan mengalami kebangunan rohani secara peribadi di hadapan Tuhan.

HARI 2 - SABTU - 2 MAC 2024

Renungan : Membangun Hubungan Dengan Tuhan

Bacaan Alkitab : Matius 6 :5-15

“Tetapi kamu, masuklah ke dalam bilik, tutup pintu dan berdoalah kepada Bapamu yang tidak dapat dilihat dengan mata. Dia mengetahui apa yang kamu lakukan secara tersembunyi dan akan memberikan ganjaran kepadamu”. **Matius 6:6**

Berdoa tidak berbicara tentang tempat, tidak berbicara tentang dengan siapa kita berdoa, tidak berbicara tentang lantangnya dan baiknya cara kita berdoa, tidak juga berbicara tentang dilihat orang atau tidak, tetapi berdoa itu adalah hubungan peribadi kita dengan Tuhan. “masuklah ke bilik dan tutuplah pintu” adalah suatu bentuk tindakan pengasingan peribadi yang diminta oleh Tuhan Yesus sendiri. Ertinya berdoa itu adalah hubungan orang-orang percaya secara peribadi dengan Allah.

Bahan Doa

1. Doakan kepimpinan tertinggi SIB Sabah.
 - Presiden SIB Sabah : Rev. Datuk IR.Jerry Dusing
 - Timbalan Presiden SIB Sabah : Rev. Agong Sakai
 - Setiausaha Agung SIB Sabah : Rev. Thenny M.Ali
 - Bendahari Agung SIB Sabah : Rev. Edwin Tupoloh

2. Doakan kepimpinan tertinggi SIB Semenanjung.
 - Presiden SIB Semenanjung : Rev. Simon Petrus Markus
 - Timbalan Presiden SIB Semenanjung : Rev. Lukas Gelawat
 - Setiausaha SIB Semenanjung : Pr. David Ukong
 - Bendahari SIB Semenanjung : En. Daniel Siew

3. Doakan Kepimpinan tertinggi BEM Sarawak.
 - Presiden BEM Sarawak : Rev. Bina Agong
 - Timbalan Presiden BEM Sarawak : Rev. Dr. Henry Padin
 - Setiausaha Agung BEM Sarawak : Eld. Stanley Sigar Arun
 - Bendahari Agung BEM Sarawak : En. Mat Amat

Doakan supaya melalui kepimpinan tertinggi SIB/BEM ketiga-tiga wilayah di seluruh Malaysia, Tuhan akan memberikan Visi dan Misi kepada mereka untuk membawa gereja Tuhan ini melangkah sebagai satu tubuh Kristus yang sentiasa bertumbuh dan memuliakan Allah dalam segala hal.

HARI 3 - AHAD- 3 MAC 2024

Renungan : Berdoa Dalam Kehendak Tuhan Yang Sempurna

Bacaan Alkitab : Matius 6 :5-15

“Ketika berdoa, jangan curah-curahkan kata-kata yang tidak bermakna, seperti orang yang tidak mengenal Allah. Mereka menyangka Allah akan mengabulkan permintaan mereka kerana doa mereka itu panjang”. **Matius 6:7**

Kata kunci yang harus difahami dalam matius 6:7 ialah, “jangan curah-curahkan kata-kata yang tidak bermakna”. Dalam terjemahan alkitab yang lain, ini diertikan sebagai kata-kata yang diulang-ulang dengan tujuan supaya orang melihat bahawa begitu panjang doa itu lalu dipuji orang kuat berdoa. Tuhan Yesus menegah doa yang sedemikian. Berdoalah “straight to the point”, sebab sesungguhnya Allah mengetahui apa yang kita mahu doakan.

Bahan Doa

1. Doakan ahli mesyuarat tertinggi tiga wilayah SIB/BEM. Doakan supaya melalui mereka, Tuhan akan terus memberikan hikmat kepada mereka untuk berkerjasama dengan Majlis Executive di kesemua wilayah masing-masing.
2. Doakan kesatuan pemimpin-pemimpin tertinggi kesemua wilayah SIB/BEM supaya apapun yang mereka rencanakan dapat dilaksanakan sesuai dengan tuntunan Roh Allah.
3. Doakan supaya melalui pemimpin tertinggi ketiga wilayah ini, gereja peribumi ini akan terus bertumbuh dan menjadi matang malahan menjadi terang bagi dunia di Malaysia dan kepada dunia.

HARI 4 - ISNIN - 4 MAC 2024

Renungan : Kehendak Bapa Yang Sempurna

Bacaan Alkitab : Matius 6 :5-15

“Jangan berbuat seperti mereka. Bapamu tahu apa yang kamu perlukan sebelum kamu memohonnya”. **Matius 6:8**

Allah adalah mahatahu dan tidak ada satu pun yang tersembunyi di hadapan Allah. Setiap yang kita doakan di hadapan Allah juga diketahui oleh Allah. Oleh itu, janganlah berdoa seperti kita menyembunyikan sesuatu di hadapan Allah. Nyatakan segala sesuatu kepada-Nya.

Bahan Doa

1. Doakan pelayanan pastor di seluruh SIB Sabah.
 - 347 orang Pastor pekerja penuh masa (Pastor) di 483 gereja lokal, 194 kelompok dan 53 tempat penginjilan.
 - Doakan agar semua pekerja penuh masa SIB dan penginjil benar-benar dapat melakukan pelayanan mereka sesuai dengan dorongan Roh Kudus di tempat pelayanan masing-masing.
 - Berdoa supaya segala keperluan pastor dan penginjil dapat dipenuhi melalui gereja-gereja, para penaja/sponsorship agar mereka dapat melaksanakan pelayanan mereka dengan baik.
2. Doakan pelayanan pastor di seluruh SIB Semenanjung.
 - 60 orang Pastor & pekerja penuh masa
 - 46 gereja tempatan, 4 gereja rintisan tempatan. 38 gereja OA, 41 gereja rintisan OA.
3. Doakan pelayanan pastor di seluruh BEM Sarawak.
4. Doakan supaya melalui pelayanan pastoral, program-program seperti pemuridan, kelas-kelas Alkitab (Teologi) dapat dijalankan dengan lebih mantap untuk pertumbuhan iman jemaah-jemaah Tuhan.

HARI 5 - SELASA - 5 MAC 2024

Renungan : Doa Mengagungkan Tuhan

Bacaan Alkitab : Matius 6 :5-15

“Berdoalah demikian: ‘Ya Bapa kami yang di syurga, sucilah nama-Mu.’” **Matius 6:9**

Ketika Tuhan Yesus Kristus mengajarkan tentang perihal berdoa, Dia memulai dengan mengajarkan bahawa dalam setiap doa kita, harus diingat bahawa kita sedang berdoa kepada Allah yang suci dan harus disembah, ditinggikan, diagungkan dan dihormati. Ketika kita berdoa, mulailah dengan mengagungkan Allah kita yang hidup dan berkuasa.

Bahan Doa

1. Berdoa secara khusus bagi para penginjil yang sedang memberitakan injil di seluruh pelusuk negara. Tanpa mengira denominasi atau gereja.
2. Doakan perlindungan penginjil-penginjil di seluruh negara termasuklah keluarga mereka masing-masing.
3. Berdoa supaya melalui pelayanan mereka, semakin ramai orang yang percaya dan menerima Tuhan Yesus Kristus sebagai Tuhan dan juruselamat mereka.
4. Doakan sponsor dan penaja bagi semua penginjil supaya keperluan sehari-hari mereka tetap dapat dipenuhi.

HARI 6 - RABU - 6 MAC 2024

Renungan : Datanglah Kerajaan-Mu

Bacaan Alkitab : Matius 6 :5-15

“Datanglah kerajaan-Mu. Terlaksanalah kehendak-Mu di bumi sebagaimana di syurga”.

Matius 6:10

Allah adalah Raja di atas segala raja dan tidak seorang pun yang boleh setaraf dengan-Nya. Ketika kita berdoa kepada Tuhan, pastilah kita meminta supaya semua kehendak Allah di bumi terjadi sepertimana yang terjadi di Syurga.

Bahan Doa

1. Berdoa bagi orang-orang yang belum mengenal Yesus Kristus Penyelamat supaya mereka membuka hati untuk menerima Dia sebagai Tuhan dan juruselamat peribadi.
2. Doakan juga orang-orang yang dengan sengaja menolak Yesus Kristus sebagai Tuhan dan juruselamat walaupun sudah mendengar tentang Dia.
3. Doakan juga orang yang sudah menerima Tuhan Yesus Kristus tetapi tidak mahu menjalani kehidupan yang sepatutnya sebagai orang percaya.

HARI 7 - KHAMIS - 7 MAC 2024

Renungan : Tuhan Yang Menyediakan

Bacaan Alkitab : Matius 6 :5-15

“Berilah kami makanan untuk hari ini” **Matius 6:11**

Salah satu dari aspek doa orang-orang percaya yang sentiasa konsisten ialah supaya kita sentiasa diberkati dan dicukupkan dalam segala hal, terutama dari segi keperluan sehari-hari. Tuhan Yesus juga mengajar supaya kita berdoa memohon kepada Bapa tentang apapun keperluan kita sehari-hari disertai dengan ucapan syukur.

Bahan Doa

1. Berdoa secara khusus bagi ekonomi gereja SIB/BEM supaya sentiasa stabil.
2. Doakan kesemua sumber kewangan gereja supaya kewangan tetap stabil.
3. Doakan sumber-sumber ekonomi jemaah SIB/BEM supaya sentiasa diberkati Tuhan. Tidak kira bekerja dengan kerajaan atau bekerja sendiri/perniagaan sendiri.
4. Doakan usaha gereja untuk membantu jemaah Tuhan untuk memantapkan ekonomi jemaah Tuhan.

HARI 8 - JUMAAT - 8 MAC 2024

Renungan : Pengampunan Yang Sejati

Bacaan Alkitab : Matius 6 :5-15

"Ampunkanlah kesalahan kami sebagaimana kami mengampuni mereka yang bersalah terhadap kami.". **Matius 6:12**

Kadangkala perkara yang paling sukar untuk dilakukan bukanlah melakukan banyak pelayanan bagi Tuhan, tetapi mengampuni orang yang bersalah kepada kita. Dasar untuk kita dapat mengampuni orang yang bersalah kepada kita ialah, kerana Tuhan Yesus Kristus terlebih dahulu telah mengampuni kita atas segala dosa kita. Ampunilah orang yang bersalah kepada kita, kerana Allah juga mengampuni kita.

Bahan Doa

1. Sepakat berdoa bagi orang-orang sakit secara fizikal.
2. Doakan juga supaya Tuhan berkerja melalui orang-orang sakit supaya mereka disembuhkan melalui mukjizat Tuhan. Supaya mereka semakin percaya dan diyakinkan bahawa Tuhan Yesus Kristus ialah Tuhan dan juruselamat.
3. Doakan juga orang-orang percaya yang dahulunya selalu ke gereja, tetapi kerana situasi yang dihadapi ketika pandemik, pada hari ini mereka tidak lagi datang ke gereja. Berdoa supaya mereka akan dapat membuka hati mereka kembali kepada gereja tempat mereka beribadah.

HARI 9 - SABTU - 9 MAC 2024

Renungan : Mengalahkan Pencubaan

Bacaan Alkitab : Matius 6 :5-15

“Janganlah biarkan kami tergoda, tetapi selamatkanlah kami daripada yang jahat. Engkaulah yang empunya kerajaan, kekuasaan dan kemuliaan selama-lamanya. Amin.

Matius 6:13

Tidak seorang pun manusia mampu bertahan di dalam pencubaan jika bukan dari kekuatan penyertaan Allah. Kuasa si jahat tidak dapat dilawan jika bukan dari kuasa Allah sendiri. Tetaplah berdiri teguh dan berharap sepenuhnya di dalam kekuatan Allah ketika kita menghadapi pencubaan dan cabaran hidup.

Bahan Doa

1. Doakan semua perancangan-perancangan dan program yang sudah disusun atur di dalam takwim kesemua wilayah SIB/BEM supaya melalui program ini, jemaah Tuhan semakin bertambah, semakin bertumbuh menjadi serupa dengan Kristus, semakin giat melayani Tuhan untuk kemuliaan Tuhan.
2. Doakan semua pemimpin-pemimpin di peringkat pusat SIB/BEM, di peringkat kawasan/zon/daerah juga di peringkat gereja supaya mereka dapat melakukan tugas dan pelayanan mereka melaksanakan semua program yang telah ditetapkan dengan baik melalui tuntunan Roh Allah.
3. Doakan juga organisasi pemimpin di peringkat sidang dapat berfungsi dengan baik dan maksimal seperti yang sepatutnya. Sidang dapat memberikan kerjasama sepenuhnya kepada kepimpinan di zon/kawasan/daerah dan di peringkat sidang.

HARI 10 - AHAD - 10 MAC 2024

Renungan : Mengampuni Untuk Hidup Yang Merdeka

Bacaan Alkitab : Matius 6 :5-15

“Jika kamu mengampuni orang yang bersalah terhadapmu, Bapamu yang di syurga akan mengampunkan kesalahanmu juga”. **Matius 6:14**

Betapa pentingnya melepaskan pengampunan kepada orang lain. Yesus berkata bahawa kita tidak akan dapat masuk ke dalam kerajaan syurga jika kita tidak bertaubat dan menjadi seperti anak kecil (Matius 18:3). Anak kecil selalu bergaduh sesama mereka, tetapi mereka tidak pernah menyimpan kesalahan mereka dan saling mengampuni. Kita dituntut seperti anak kecil di dalam hal mengampuni orang lain kerana itu adalah tanda dari kehidupan seorang Kristian yang benar-benar telah mengalami pengampunan dari Allah.

Bahan Doa

1. Doakan bagi suhu/situasi rohani gereja SIB/BEM se-Malaysia. Sepakat berdoa supaya gereja ini sentiasa di dalam keadaan yang bersemangat dan berkobar-kobar untuk memuliakan Allah di bumi Malaysia.
2. Doakan supaya melalui kebaktian-kebaktian kebangunan rohani yang diadakan di seluruh negara oleh gereja ini, jemaah Tuhan semakin dibangkitkan, dipulihkan, mengalami terobosan(breakthrough) dan memuliakan Allah.
3. Doakan keadaan jemaah pada hari ini yang sentiasa dihadapkan dengan cabaran-cabaran hidup kerana kecanggihan teknologi yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.

HARI 11 - ISNIN - 11 MAC 2024

Renungan : Hidup Dalam Kerukunan

Bacaan Alkitab : Matius 6:5-15

“Tetapi jika kamu tidak mengampunkan kesalahan orang, Bapamu yang di syurga juga tidak akan mengampunkan kesalahanmu”. **Matius 6:15**

Orang yang tidak boleh mengampuni orang yang bersalah kepadanya ialah orang yang belum benar-benar mengalami pengampunan dari Allah atau dengan erti kata lain, belum bertaubat sungguh-sungguh. Kasih Tuhan mengajar kita untuk mengasihi dan mengampuni, jadi tidak mengampuni orang lain itu bukanlah ciri-ciri hidup orang kristian. Yesus Kristus menerangkan dengan lebih jelas tentang ini di dalam Injil Matius 18:21-35 ketika Petrus bertanya tentang hal mengampuni orang lain. Seorang penghutang yang diampuni oleh raja kerana hutangnya tidak menunjukkan tindakan yang sama kepada kepada seorang rakannya yang berhutang kepadanya. Inilah ibaratnya orang yang tidak mengampuni orang lain yang bersalah kepadanya. Pernyataan kasih Allah pasti akan terpancar di dalam kehidupan orang yang benar-benar percaya kepada Allah.

Bahan Doa

1. Doakan kesatuan dan kerjasama pelayanan di antara ketiga wilayah iaitu SIB Sabah, SIB Semenanjung dan BEM Sarawak supaya kesemua wilayah ini boleh bergerak sebagai satu keluarga besar Allah sebagai gereja peribumi yang terbesar di Malaysia.
2. Kita serahkan dan memohon kepada Allah supaya apapun perancangan masa depan gereja SIB/BEM semua adalah daripada dan ilham Roh Kudus untuk kemuliaan nama Allah di gereja ini.

BAHAGIAN 2

MEMBUKA
GERBANGFOKUS :
DOA NASIONAL

HARI 12 - SELASA - 12 MAC 2024

Renungan : Pintu Gerbang Media Sosial

Bacaan Alkitab : Lukas 11:34

Ayat Alkitab: Lukas 11:34, "Matamu adalah pelita tubuhmu. Jika matamu baik, teranglah seluruh tubuhmu, tetapi jika matamu jahat, gelaplah tubuhmu."

Pemerhatian:

Zaman sekarang merupakan era kemajuan teknologi, digital dan *artificial intelligent* (AI). Kemajuan tersebut telah mengajak dan paling tidak, memaksa manusia untuk mengadaptasi diri dengan kecanggihan teknologi yang berkembang dengan begitu pesat. Antara yang turut mengalami lonjakan dalam dunia alam maya ialah teknologi media. Apakah erti media? Menurut Kamus Dewan, media bererti "alat atau pengantara komunikasi (perhubungan), seperti radio, televisyen dan akhbar". Media massa ialah pelbagai jenis alat komunikasi (seperti radio, telefon, televisyen, majalah, surat khabar dan lain-lain, yang bertujuan untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai. Manakala media sosial pula merupakan media yang paling aktif digunakan oleh orang ramai pada masa kini untuk bersosial.

Sejak bermulanya pengenalan platform media sosial di jaringan internet seperti Friendster pada suatu ketika dahulu, kemudian Facebook, Instagram, WhatsApp, Telegram dan TikTok, orang ramai lebih gemar untuk bersosial melalui alam maya tanpa perlu bersemuka. Komuniti alam maya ini dikenal sebagai 'netizen'. Komunikasi menjadi sangat mudah, pantas dan menyenangkan. Penyampaian maklumat berada di hujung jari warga net. Tidak dinafikan media sosial sudah menjadi keperluan setiap orang di abad pasca-modern ini.

Penerimaan/Aplikasi:

Setiap perubahan dan kemajuan pasti akan meninggalkan jejak-jejak positif dan negatif. Media sosial juga tidak terkecuali dari memberi impak positif dan negatif kepada penggunanya. Di sisi negatifnya, platform media sosial seringkali menjadi tempat memaparkan isu-isu sosial seperti rasa tidak puas diri, masalah peribadi dan krisis rumah tangga dan bermacam-macam lagi. Ini hanya sebahagian daripada isu-isu harian yang mungkin kita ketahui.

Namun demikian, media sosial juga sebenarnya dapat memberi banyak manfaat jika digunakan dengan sikap bertanggungjawab dan memuliakan Tuhan. Media sosial sebenarnya dapat menjadi kelebihan yang baik bagi orang Kristian. Injil Kristus dan berbagai bentuk pelayanan Kristian lainnya dapat disampaikan kepada orang ramai melalui media sosial. Misalnya, kebaktian umum dapat disiarkan secara langsung melalui medium Youtube dan dapat diakses oleh orang lain. Tuhan Yesus berkata, "Selama masih siang, kita harus mengerjakan pekerjaan Dia yang mengutus Aku. Malam akan tiba, dan seorang pun tak akan dapat bekerja" (BIS Yohanes 9:4). Orang Kristian harus merebut peluang yang ada untuk mengongsikan Injil Kristus dan kebaikan Tuhan. Dan platform media sosial turut merupakan peluang yang tepat juga untuk menyebarkan kebaikan Tuhan dan Injil keselamatan-Nya.

Penyataan / Deklarasi:

Marilah kita sebagai umat Kristian mengisytiharkan supaya orang Kristian menggunakan media sosial dengan kesedaran dan bertanggungjawab. Selain itu juga supaya orang Kristian menggenggam peluang dan ruang di alam maya ini untuk menyebarkan Injil Kristus dan kebenarannya bagi kemuliaan Tuhan kita, Yesus Kristus.

HARI 12 - SELASA - 12 MAC 2024

Renungan : Pintu Gerbang Media Sosial

Bacaan Alkitab : Lukas 11:34

Bahan Doa

1. Berdoa agar orang Kristian yang aktif menggunakan media sosial untuk berinteraksi dan berkomunikasi di dalam alam maya memiliki hati yang takut akan Tuhan dan juga menjauhkan dosa.
2. Berdoa agar orang Kristian mempunyai kesedaran menggunakan media sosial dengan berhemah dan bertanggungjawab.
3. Berdoa agar orang Kristian sentiasa menerapkan sikap menjadi garam dan terang bagi dunia di dalam alam maya.
4. Berdoa agar orang Kristian yang menggunakan platform media sosial sebagai medium perniagaan dan pekerjaan mereka, beroleh keberhasilan dan keuntungan.
5. Berdoa bagi Kementerian Komunikasi yang diterajui oleh YB Tuan Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil supaya beliau diberikan Tuhan perlindungan, hikmat dan kebijaksanaan dalam menjalankan tugas.

HARI 13 - RABU - 13 MAC 2024

Renungan : Pintu Gerbang Raja

Bacaan Alkitab : Mazmur 24:7,9; Daniel 2:21

Hati raja ada dalam tangan TUHAN, seperti sungai-sungai air;
Dia membelokkannya ke mana sahaja yang Dia kehendaki. (Amsal 21:1)

Dan Dia mengubah masa dan musim; Dia memecat raja-raja dan mengangkat raja-raja;
Dia memberikan hikmat kepada orang bijak, dan pengetahuan kepada orang yang berpengertian. (Daniel 2:21)

Pemerhatian:

Sejak kejatuhan UMNO dan PH, Raja dan Perdana Menteri mempunyai kuasa yang sama ke atas negara kita. Al-Sultan Abdullah, raja terdahulu, berkata baginda mempunyai empat Perdana Menteri di bawahnya yang merupakan cabaran terbesar baginda selama lima tahun memerintah sebagai Raja. Menurutnya, dia terpaksa bekerja keras untuk menenangkan negara dan memastikan rakyat dapat hidup harmoni. Kami bersyukur kepada Tuhan bahawa Dia berdaulat; Dialah yang meletakkan raja-raja di atas takhta untuk semusim.

Penerapan/Aplikasi:

Terdapat nubuatan dalam Alkitab yang mengatakan bahawa Tuhan akan menggoncangkan semua bangsa (Hagai 2:7): dan Aku akan menggoncangkan semua bangsa, dan mereka akan datang kepada Keinginan Semua Bangsa, dan Aku akan memenuhi bait ini dengan kemuliaan. ' firman TUHAN semesta alam. Negara kita tidak luar biasa daripada gegaran ini. Apabila wabak Covid-19 melanda seluruh dunia, seluruh negara digegarkan. Malah syarikat terbesar runtuh. Raja-raja dan penguasa dunia tahu bahawa ini di luar kawalan mereka. Malah kebuluran di Mesir pada zaman Firaun berada di luar kawalannya. Tetapi Tuhan sudah mengetahui perkara-perkara ini akan berlaku. Tuhan telah menyediakan Yusuf untuk musim ini untuk mendedahkan rancangan ilahinya untuk menyelamatkan keluarga Yakub. Tuhan menggunakan Yusuf untuk menyatakan hikmat-Nya kepada Firaun demi kemuliaan-Nya.

Bahan Doa

1. Berdoalah agar raja kita yang sekarang akan memihak kepada Raja syurga kita dan agar dia secara terbuka menyambut Raja Kemuliaan di dalam hatinya (Wahyu 3:20; Amsal 21:1)
2. Berdoa agar dia mendapat penghakiman yang tepat pada masa krisis (1 Raja-raja 3:16-28)
3. Berdoa agar dia akan mencari Yusuf negara kita untuk memulihkan ekonomi kita tahun ini dan seterusnya.
4. Berdoa agar dia dikelilingi dengan nasihat yang bijaksana daripada Tuhan, seperti raja Darius (Daniel 6:3-5)
5. Berdoalah untuk Josephs, Esthers dan Daniels akan timbul pada musim ini.

HARI 14 - KHAMIS- 14 MAC 2024

Renungan : Pintu Gerbang Kewangan

Bacaan Alkitab : Amsal 3:9-10

Pemerhatian:

Amsal 3:9-10 Muliakanlah TUHAN dengan hartamu, dan dengan hasil pertama dari segala hasilmu, maka lumbung-lumbungmu akan penuh dengan melimpah-limpah, dan tempat pemerasanmu akan meluap dengan air anggur yang baru.

Ayat-ayat ini menyebut bahawa Menghormati Tuhan dengan harta kita yang juga bermakna pendapatan kita tetapi pada banyak masa, gereja-gereja atau Kerajaan Tuhan bukanlah keutamaan utama Negara. Memberi kepada gereja adalah salah satu cara untuk menghormati Tuhan kita. Apabila bangsa itu mula memuliakan Tuhan dengan hartanya, seperti yang dijanjikan kitab suci, bangsa itu akan makmur.

Dengan Hutang Negara semasa pada RM1.399 trilion dan 0.21 MYR hingga 1 USD seperti yang ditunjukkan dalam trolis di atas, kita sebagai sebuah negara benar-benar perlu menghormati Tuhan, bahawa Dia akan membawa rahmat kepada negara.

Permohonan:

Untuk menghormati Tuhan, seseorang mesti percaya dan mengenal Tuhan terlebih dahulu. Orang ramai juga perlu mengetahui cara untuk memuliakan Dia bukan dengan cara mereka sendiri tetapi Cara-Nya seperti yang tertulis dalam kitab suci dalam semua jalanmu akulah Dia, dan Dia akan mengarahkan jalanmu.

Bahan Doa

1. Bertaubat bagi pihak negara kerana menyalahgunakan dana negara secara tidak wajar.
2. Berdoa agar bangsa-bangsa akan mengakui Tuhan dan percaya kepada-Nya.
3. Mendoakan kebijaksanaan kepada pemimpin negara untuk menguruskan tabung dengan bijak.
4. Berdoa agar Tuhan mengasihani negara dan membuka pintu air Syurga untuk mencurahkan berkat-Nya ke atas bumi.

HARI 15 - JUMAAT - 15 MAC 2024

Renungan : Pintu Gerbang Pendidikan

Bacaan Alkitab : Ulangan 6:7

Pemerhatian:

Ulangan 6:7 Haruslah engkau mengajarkannya dengan sungguh-sungguh kepada anak-anakmu dan membicarakannya apabila engkau duduk di rumahmu, apabila engkau sedang dalam perjalanan, apabila engkau berbaring dan apabila engkau bangun.

Tulisan suci menyebut bahawa kita harus mengajar anak-anak kita Firman-Nya. Untuk mengambil firman Tuhan secara literal, kita sepatutnya mengajar mereka dalam apa sahaja yang kita lakukan walaupun pada setiap saat. Ini bermakna anak-anak akan diberi makan dengan firman Tuhan bila-bila masa kita boleh.

Permohonan:

Kebanyakan masa kanak-kanak dihabiskan di sekolah. Tidak banyak masa untuk anak-anak menerima pengajaran tentang Tuhan daripada ibu bapa mereka. Juga, mereka terdedah kepada pengaruh lain daripada orang apabila ibu bapa tidak bersama mereka. Oleh itu pendidikan adalah sangat penting untuk anak-anak.

Anak-anak adalah pemimpin masa depan kita. Jika kita tidak mengajar anak-anak kita dengan firman Tuhan, mereka akan diajar oleh dunia. Mereka perlu mengetahui Firman Tuhan untuk berjalan di jalan-Nya. Tidak ada cara mereka dapat berjalan di Jalan Tuhan jika mereka tidak mengenal Tuhan.

Bahan Doa

1. Berdoa agar anak-anak dapat menerima ajaran menurut firman Tuhan.
2. Berdoa agar mereka yang mengajar anak-anak akan bertanggungjawab dan berintegriti dalam mengajar anak-anak.
3. Berdoa agar firman Tuhan akan diajarkan kepada anak-anak seperti zaman dahulu.

HARI 16 - SABTU - 16 MAC 2024

Renungan : Pintu Gerbang Ekonomi

Bacaan Alkitab : Ulangan 6:7

Pemerhatian:

Wahyu 6:5-6 Dan ketika ia membuka meterai yang ketiga, aku mendengar makhluk yang ketiga berkata: Marilah dan lihatlah. Dan aku melihat, dan lihatlah seekor kuda hitam; dan orang yang duduk di atasnya mempunyai sepasang neraca di tangannya. Dan aku mendengar suara di tengah-tengah empat makhluk itu berkata, Satu sukat gandum untuk satu dinar, dan tiga sukat barli untuk satu sen; dan lihatlah jangan menyakiti minyak dan wain.

Menurut kitab suci, semasa kita memasuki Hari Akhir, harga makanan akan meningkat kecuali minyak dan wain. Ini adalah perkara-perkara yang tidak dapat kita kawal tetapi kerana kita hidup dengan rahmat Tuhan, di bawah tangan Tuhan Yang Berdaulat, kita boleh meminta Tuhan untuk mengasihani kita.

Apabila kita melihat carta di atas, ia menunjukkan bahawa harga beras telah meningkat dengan sangat tinggi selama ini. Tetapi harga petrol kita (Ron 95), kerana subsidi daripada kerajaan, ia kekal sekitar RM2.00 untuk sekurang-kurangnya 10 tahun. Adakah ia tidak memenuhi nubuatan yang disebut dalam Wahyu 6 tetapi Yesus masih akan datang. Jadi bagaimana kita akan hidup dan berdoa?

Permohonan:

Apabila ekonomi teruk, golongan pertengahan dan bawahan paling menderita. Ekonomi sesebuah negara terjejas secara luaran dan dalaman tetapi dengan dunia menjadi global, pengaruh luaran adalah lebih tinggi.

Bahan Doa

1. Berdoa agar Tuhan Yang Berdaulat memerintah ekonomi negara kita. Biarlah Dia mengawal dan mengasihani negara kita.
2. Berdoa agar pemulihan ekonomi negara akan terjadi dengan transformasi besar-besaran melalui setiap sector ekonomi.
3. Berdoa semua Jabatan Kerajaan dan Swasta di Malaysia memfokuskan kepada kebangkitan ekonomi yang bertahan dan mampan.

HARI 17 - AHAD - 17 MAC 2024

Renungan : Gerbang Penjara Ke Dalam Gerbang Pujian

Bacaan Alkitab : Mazmur 24:7, 9

Dan Aku juga berkata kepadamu bahawa engkau adalah Petrus, dan di atas batu karang ini Aku akan membina jemaat-Ku, dan pintu alam maut tidak akan [a]menguasainya. Dan Aku akan memberikan kepadamu kunci Kerajaan Sorga, dan apa yang kamu ikat di bumi [b] akan terikat di sorga, dan apa yang kamu lepaskan di bumi ini akan terlepas di sorga.” (Matius 16:18-19)

Pemerhatian:

Perkataan yang Yesus katakan kepada Petrus ini sangat kuat. Ketika Yesus naik ke surga Dia berjanji kepada para murid bahwa Dia akan mengutus Roh Kudus kepada mereka:

- Tetapi Penolong, yaitu Roh Kudus, yang akan diutus oleh Bapa dalam nama-Ku, Dialah yang akan mengajarkan segala sesuatu kepadamu dan akan mengingatkan kamu semua yang telah Kukatakan kepadamu. 27 Damai sejahtera Kutinggalkan kepadamu, damai sejahtera-Ku Kuberikan kepadamu; bukan seperti yang dunia memberi saya memberi kepada anda. Jangan biarkan hatimu gelisah dan jangan takut. 2 Yohanes 14:26-28
- 7 Sungguhpun demikian, Aku berkata benar kepadamu. Ia adalah untuk keuntungan anda bahawa saya pergi; kerana jika Aku tidak pergi, Penolong tidak akan datang kepadamu; tetapi jika Aku pergi, Aku akan mengutus Dia kepadamu. 8 Dan apabila Ia datang, Ia akan menginsafkan dunia akan dosa, kebenaran, dan penghakiman: Yohanes 16:7

Permohonan:

Yesus, sebagai Firman yang hidup dari syurga, datang ke dunia untuk mengalahkan kuasa Iblis di kayu salib. Melalui darah-Nya, kuasa Iblis atas dosa telah dikalahkan (Wahyu 12:11). Apabila Dia dikuburkan dan dibangkitkan (1 Korintus 15:20-25), Dia mengambil kunci maut (neraka) dan meletakkan segala sesuatu di bawah kaki-Nya (1 Korintus 15:26).

1. Apabila Petrus dimasukkan ke dalam penjara (Kisah 12:5), orang percaya sentiasa berdoa. Malaikat Tuhan datang dan menyelamatkan Petrus dari penjara (Kisah Para Rasul 12:10-12).
2. Ketika Paulus dan Silas berada dalam penjara (Kisah 16:20-24): pada tengah malam, Paulus dan Silas sedang berdoa dan menyanyi; terjadi gempa bumi yang hebat dan pintu penjara terbuka (Kis 16:25-26).

Penyataan/Deklarasi:

Kami percaya bahawa Injil tidak boleh dipenjarakan seperti rasul Petrus dan rasul Paulus; apabila kita berjalan dalam kehendak Allah, Dia yang membela dan membela kita dari segala serangan kuasa Iblis.

HARI 17 - AHAD - 17 MAC 2024

Renungan : Gerbang Penjara Ke Dalam Gerbang Pujian

Bacaan Alkitab : Mazmur 24:7, 9

Bahan Doa

1. Berdoalah agar gereja-gereja di negara kita akan menjadi gereja berdoa seperti dalam buku Kisah; yang membawa kepada kebangkitan yang akan memberi kesan kepada bandar.
2. Berdoa agar orang yang percaya kepada Kristus di seluruh dunia akan bangkit dalam doa yang sungguh-sungguh untuk menghentikan pakatan jahat yang akan mengeluarkan virus baru yang boleh membunuh berjuta-juta nyawa.
3. Berdoa untuk lebih ramai pekerja, yang diberi kuasa oleh Roh Kudus, untuk dibangkitkan dan dihantar ke ladang tuaian.
4. Berdoa untuk musim ilahi Roh Kudus untuk menyatukan orang percaya di negara kita untuk pergi ke pujian & penyembahan yang tinggi (Yesaya 25:6) dan doa untuk memecahkan kuasa kegelapan (Yesaya 25:7) ke atas negara kita

HARI 18 - ISNIN - 18 MAC 2024

Renungan : Pintu Gerbang Perniagaan / Usahawan

Bacaan Alkitab : Mazmur 24:7, 9 ; Kisah Para Rasul 18:1-4

Pemerhatian:

Rasul Paulus juga menggerakkan pelayanannya melalui usahawan/perniagaannya. Dia memulakan gereja pertamanya di Corinth dengan pasangan bernama Aquila & Priscilla. Terdapat rakan kongsi perniagaan Paul dan juga rakan kongsi dalam pelayanan. Melalui mereka Paulus boleh bergerak dengan mudah untuk memberitakan Injil di Korintus.

Aplikasi:

Pada masa ini terdapat ramai ahli SIB/BEM yang mempunyai perniagaan besar di negara kita dan juga di seberang laut, Mereka boleh menggunakan borang plat perniagaan mereka untuk memulakan gereja sel di mana sahaja mereka menubuhkan perniagaan.

Bahan Doa

1. Berdoa agar lebih ramai pemilik perniagaan di negara kita akan menggunakan borang plat perniagaan mereka untuk memulakan lebih banyak gereja di negara kita dan seterusnya.
2. Berdoalah untuk orang-orang kami (orang-orang beriman sejati) yang berada dalam dunia perniagaan untuk memuridkan lebih ramai lelaki dan wanita perniagaan untuk berkhidmat kepada Tuhan
3. Berdoa untuk mereka menjadi kesaksian hidup kepada orang di sekeliling mereka
4. Berdoa agar mereka tidak tergelincir daripada prinsip Tuhan semasa mereka menjalankan perniagaan mereka.

HARI 19 - SELASA - 19 MAC 2024

Renungan : Pintu Gerbang Pertanian

Bacaan Alkitab : Kejadian 26:12-14

Maka menaburlah Ishak di tanah itu dan dalam tahun itu juga ia mendapat hasil seratus kali lipat; sebab ia diberkati TUHAN. Dan orang itu menjadi kaya, bahkan kian lama kian kaya, sehingga ia menjadi sangat kaya. Ia mempunyai kumpulan kambing domba dan lembu sapi serta banyak anak buah, sehingga orang Filistin itu cemburu kepadanya.

Pemerhatian:

Dalam jangka masa 2019-2021 (Covid-19), Ramai orang kehilangan pekerjaan mereka. Many Malaysians lost their jobs and livelihood. Malaysia's Department of Statistics announced that the country's unemployment rate for May 2020 was at 5%, or 778,800 people, the highest in almost a decade¹³. More than a year later, in October 2021, the unemployment rate has only declined to 4.3%.

Tetapi bagi orang yang bertani mereka tidak kehilangan pekerjaan, Ramai orang yang belum pernah bercucuk tanam mulai berkebun di atas tanah mereka sendiri. Bagi mereka yang tidak ada tanah, mereka berkebun di tepi jalan raya (reserve land), dari pada hasil kebun mereka ini membantu keperluan harian dan dapur keluarga mereka.

Penerapan:

Kita perhatikan riwayat Isak dia sebagai petani dan menabur benih untuk bercucuk tanam di negeri itu, lalu dia diberkati Tuhan seratus kali ganda. Bahkan dia menjadi kaya raya. (Kejadian 26:12,13) Saya perhatikan Ramai orang yang hidup sederhana di kampung, oleh kerana mereka mempunyai kebun sawit, kebun durian dan buah-buahan yang lain, mereka tiba-tiba mejadi kaya.

Di mana pun kita berada baik di kampung dan di bandar, jika Tuhan di pehak kita kita akan mengalami kelimpahan berkat dari Tuhan (Ulangan 28:1-5)

Bahan Doa

1. Berdoa untuk pertobatan berdasarkan (2 Tawarikh 7 :14) bagi tanahair negara kita atas kesalahan semua suku bangsa di Malaysia, supaya kita di bebas dari padadosa-dosa suku bangsa dan dosa national yang menghambat berkat Tuhan.
2. Berdoa untuk semua umat Tuhan di Sabah dan Sarawak yang mempunyai tanah kosong supaya mereka mulai bercucuk tanam pelbagai pokok buah buahan dan sayur-syuran untuk persapan masa kesukaran masa akan datang.
3. Berdoa untuk pemimpin negara kita supaya mereka mulai membuat perancangan bajet untuk memperkasakan pertanian untuk seluruh rakyat Malaysia.
4. Berdoa untuk seorang yang Tuhan telah sediakan sepaerti Yusuf (Kejadian 41:28-32) akan bangkit menjadi menteri khusus untuk persiapkan masa-masa kiris dan masa kesukaran akan datang.

HARI 20 - RABU - 20 MAC 2024

Renungan : Pintu Gerbang Pelancongan

Bacaan Alkitab : 1 Raja-Raja 10:1-5; Mazmur 24:7, 9

10 Apabila ratu Syeba mendengar tentang kemasyhuran Salomo dan hubungannya dengan TUHAN, dia datang untuk menguji Salomo dengan soalan yang sukar. 2 Setibanya di Yerusalem dengan kafilah yang sangat besar—dengan unta-unta yang membawa rempah-rempah, emas dalam jumlah besar, dan batu-batu berharga—dia datang kepada Salomo dan bercakap dengannya tentang segala yang ada dalam fikirannya. 3 Salomo menjawab semua soalnya; tiada apa yang terlalu sukar untuk diterangkan oleh raja kepadanya. 4 Ketika ratu negeri Syeba melihat segala kebijaksanaan Salomo dan istana yang dibinanya, 5 makanan di atas mejanya, tempat duduk para pegawainya, pelayan-pelayan yang memakai jubah mereka, juru minumannya, dan korban bakaran yang dipersembhkannya di[a] bait TUHAN, dia terharu. (1 Raja-raja 10:1-5)

Pemerhatian:

Suatu ketika pada pertengahan tahun 80-an, Ba Kelalan telah dikunjungi oleh ramai pelancong. Kebanyakan mereka datang selepas mereka mendengar tentang kebangkitan yang berlaku pada tahun 1985. Ramai yang datang ingin mendengar sendiri bagaimana kebangkitan itu berlaku. Ramai yang datang juga mengalami perjumpaan peribadi dengan Tuhan apabila mereka melawat Ba Kelalan. Jadi pada masa mereka kembali ke gereja masing-masing, mereka diberkati. Terdapat sekumpulan pelawat kerajaan yang datang pada masa itu. Pemimpin gereja mencadangkan agar mereka mengalu-alukan kedatangan pelawat kerajaan bersama pasukan pancaragam buluh. Pancaragam buluh memainkan lagu raya dan para tetamu begitu terharu dan menangis dengan air mata kegembiraan; tetapi tetamu itu kebanyakannya tidak percaya.

Penerapan:

Saya percaya pelawat tersebut dipengaruhi oleh 3 faktor:

1. Pertama, mereka dipengaruhi oleh kehadiran Tuhan yang begitu nyata di Ba Kelalan pada masa itu kerana suasana dipenuhi dengan kemuliaan-Nya (Zakharia 2:5).
2. Kedua, komuniti kita (pada masa itu semasa kebangkitan) menunjukkan kasih Tuhan dan membawa terang Tuhan (Yesaya 60:3).
3. Ketiga, lagu-lagu pujian merdu yang dimainkan oleh pancaragam buluh telah diurapi oleh kuasa Roh Kudus sehingga orang-orang yang tidak percaya pun tersentuh.

Bahan Doa

1. Berdoa agar lebih banyak kampung, pekan dan bandar di Malaysia akan mengalami kebangkitan & transformasi; jadi apabila pelancong dari negara lain datang ke Malaysia, mereka akan mendapat impak dari kuasa Tuhan.
2. Berdoalah agar gunung-gunung doa kita akan terus menjadi tuan rumah hadirat Tuhan seperti yang dinyatakan dalam Yesaya 2:2-3.
3. Berdoa agar gereja-gereja asli di Sabah dan Sarawak tidak menghidupkan semula budaya, tradisi atau amalan yang tidak bertuhan (atas nama pelancongan) yang akan menjadi pintu terbuka untuk roh jahat zaman dahulu untuk masuk dan menyebabkan kemudaratan rohani.

HARI 21 - KHAMIS - 21 MAC 2024

Renungan : Pintu Gerbang Keagamaan

Bacaan Alkitab : Mazmur 24:7, 9

Pemerhatian:

Ayat 7 ini berkaitan dengan ayat 3, yang memberitahu bahawa untuk melangkah masuk ke tempat kudus Allah, harus melalui atau menggunakan sebuah laluan masuk. Laluan masuk ini adalah pintu rumah Allah. Dalam konteks ayat ini, "pintu-pintu gerbang" merujuk kepada "pintu gerbang bait Allah yang sudah tua dan sedang dipesonafikasikan" dalam ayat ini. Pintu gerbang ini dipelawa agar membuka dengan lebar ruangnya supaya Raja Besar dan Mulia dapat masuk. Raja ini bukanlah seperti raja di dunia. Raja ini adalah Yang Maha Esa Tuhan semesta alam, iaitu pencipta. Menerima Dia masuk bermakna akan terjadi perkara besar dan mulia. Sikap penerimaan inilah yang sangat penting, sehingga terungkap apabila dapat membuka pintu gerbang dengan lebar dan luas.

Selain daripada itu, pintu gerbang menjadi laluan pelbagai perkara seperti contoh: desa, perkampungan ruma Panjang, daerah dan sebagainya. Sehingga ianya juga dijadikan sebagai perlambangan atau kiasan kepada beberapa perkara, seperti pintu hati, pintu kehidupan, pintu kejayaan dan sebagainya.

Pelajaran:

1. Pertama; bahagian ini mengajar mengenai sikap hati manusia. Pintu gerbang melambangkan hati manusia, yang menjadi laluan masuk bagi sebarang pertimbangan. Setelah seluruh pertimbangan dibuat, ianya akan mempengaruhi hati. Perkara inilah yang akan memberi tindak balas agar manusia itu membuka hatinya.
2. Kedua; bahagian ini secara simbolik memberitahu kita berkenaan dengan r a n g dan laluan kepada kepercayaan, pegangan, praktis hidup dan amalan. Iaitu seperti pintu kepercayaan, pintu pegangan atau pintu agama dan sebagainya.

Aplikasi:

1. Pada hari ini, setiap manusia perlu membuka pintu hatinya untuk menerima kedatangan seorang raja Besar untuk membawa perkara besar terjadi dalam kehidupan.
2. Pada sisi keagamaan, pegangan, kepercayaan, perlu ada keterbukaan, agar firman Tuhan dapat diperdengarkan sehingga bergema ke seluruh muka bumi.

Bahan Doa

1. Berdoa agar Tuhan membuka pintu agar pemberitan firman Tuhan dapat dibawa masuk ke tempat yang sukar.
2. Berdoa agar ada orang yang menyahut panggilan Tuhan, untuk pergi memberitakan firman Tuhan.
3. Berdoa agar Tuhan membuka pintu hati setiap orang di mana Sahaja untuk siap menerima kedatangan Tuhan dalam hidup mereka

BAHAGIAN 3

GEREJA KUAT, GENERASI KUAT



FOKUS :
DOA
INTERNATIONAL

HARI 22 - JUMAAT - 22 MAC 2024

Renungan : Kebangkitan Roh Hikmat Dan Wahyu

Bacaan Alkitab : Efesus 1:1-18

“Hikmat” adalah pemahaman yang lebih baik dan tepat tentang doktrin Tuhan, dan “wahyu” adalah gambaran yang lebih jelas tentang sifat dan kehendak ilahi.

Efesus 1:17 TB, “...dan meminta kepada Allah Tuhan kita Yesus Kristus, yaitu Bapa yang mulia itu, supaya Ia memberikan kepadamu Roh hikmat dan wahyu untuk mengenal Dia dengan benar.”

Paulus, dalam doanya untuk orang-orang kudus yang ada di Efesus, dan yang setia dalam Kristus Yesus (Efesus 1:1), meminta agar Tuhan memberikan kepadamu roh hikmat dan wahyu, supaya kamu lebih mengenal Dia.

Dalam doanya, Paulus memohon agar orang percaya memiliki hikmat dan wawasan rohani supaya mereka dapat bertumbuh dalam pengetahuan yang benar tentang Tuhan.

Tuhan tidak terbatas, dan Dia tidak dapat difahami sepenuhnya oleh makhluk yang terbatas. Sejauh manapun kita memiliki pemahaman tentang Tuhan, masih ada kedalaman pengetahuan yang tidak terduga yang misteri dan perlu diselami.

Paulus menggariskan beberapa misteri yang dia mahu orang Efesus faham melalui roh hikmat dan wahyu ini. Dia berdoa dalam Efesus 1:18 AVB, “Semoga Allah menerangkan mata hatimu untuk mengetahui harapan daripada panggilan-Nya, limpah kemuliaan warisan-Nya dalam orang yang salih.”

Kita mewarisi kekayaan hidup yang kekal melalui Dia yang telah menyelamatkan kita dan memanggil kita kepada kekudusan dalam Kristus sebelum permulaan zaman (2 Timotius 1:9). Paulus berdoa agar Roh akan menyatakan kuasa Tuhan yang tidak tertandingi bagi kita yang percaya (Efesus 1:19) iaitu kuasa yang begitu besar sehingga membangkitkan Yesus daripada kematian. Semua misteri ini hanya boleh difahami dengan memiliki roh hikmat dan wahyu dari Roh Kudus.

Roh hikmat dan wahyu adalah pekerjaan Roh Kudus untuk membantu umat Tuhan memahami perkara-perkara Tuhan dengan lebih tepat, luas dan sempurna sesuai dengan kairós-Nya.

Bahan Doa

Saya berdoa agar roh hikmat dan wahyu semakin bertambah dalam hidup saya untuk menjadi seorang murid Kristus yang kuat dan teguh.

1. Malaysia adalah sebuah negara Pelangi yang dikasihi Tuhan melalui perjanjianNya untuk melindungi dan memelihara seluruh perairan Malaysia mencakupi Laut Cina Selatan, Selat Melaka dan Perairan Luar Sabah serta sempadan negara yang sentiasa berada dalam keadaan selamat.
2. Malaysia terus berada dalam keadaan selamat, aman damai dan dipenuhi dengan kekayaan fauna dan flora yang subur sehingga negara ini diberkati lagi melalui kekayaan semulajadi daripada Tuhan.
3. Perlindungan Tuhan dalam ruang udara Malaysia agar sentiasa terpelihara daripada pencerobohan anasir jahat. Penyertaan Malaikat Tuhan dan atmosfera rohani yang kuat terus melindungi negara ini dalam pemenuhan kuasa Roh KudusNya yang berkuasa.
4. Malaysia membangun sempadan antarabangsa yang baik dan bijaksana serta hubungan antarabangsa yang membawa kesejahteraan dan keberuntungan yang kekal.

HARI 23 - SABTU - 23 MAC 2024

Renungan : Kebangkitan Pendoa Syafaat

Bacaan Alkitab : Roma 8:29; Yohanes 2:6

Pernahkah kita menganggap pendoa syafaat sebagai kumpulan super-Kristian yang kelihatannya mempunyai talian terus ke syurga dan mungkin lebih rohani daripada kita? Jika ya, mari kita singkirkan mitos itu bahawa syafaat bukan untuk orang Kristian super yang tidak wujud, sebaliknya syafaat adalah bagi semua orang yang percaya dan ditebus oleh Kristus.

Menjadi pendoa syafaat adalah salah satu daripada panggilan utama setiap orang Kristian. Kebangkitan pendoa syafaat sangat perlu berdasarkan tiga kebenaran sebagai berikut.

(a) Yesus Sebagai Pengantara

Setiap dari kita dipanggil untuk suatu tugas pelayanan seperti berkhotbah, mengajar, bermain muzik, menginjil dan sebagainya, tetapi adakah kita sedar bahawa panggilan kita adalah menjadi serupa dengan Kristus?

Roma 8:29 AVB, Kerana dari mulanya dahulu Allah telah menentukan mereka yang dipilih-Nya supaya menjadi selaras dengan rupa Anak-Nya, maka Anak itu merupakan yang sulung di antara saudara yang ramai.

1 Yohanes 2:6 TB, Barangsiapa mengatakan, bahwa ia ada di dalam Dia, ia wajib hidup sama seperti Kristus telah hidup.

Kita dipanggil untuk menjadi serupa dengan Kristus dalam karakter-Nya dan gaya hidup-Nya. Dengan demikian, kita juga harus menjadi serupa dengan Dia dalam berdoa kerana Dia adalah Pemberi Syafaat Tertinggi.

Ibrani 7:25 AVB, Oleh itu, Dia dapat menyelamatkan sepenuhnya mereka yang datang kepada Allah melalui-Nya, kerana Dia hidup selama-lamanya untuk berdoa syafaat bagi mereka.

Syafaat adalah untuk semua orang kerana Kristus hidup sebagai pengantara, mati sebagai pengantara, dan selamanya hidup untuk menjadi pengantara bagi kita.

Kebangkitan pendoa syafaat pertama-tama harus dilihat dari teladan Tuhan kita Yesus Kristus yang menjadi pengantara bagi kita kepada Bapa-Nya.

(b) Roh Kudus Seorang Pembela

Roh Kudus melakukan banyak perkara dalam kehidupan orang percaya. Dia adalah Penolong orang percaya. Dia menjaga dan menjamin keselamatan orang-orang yang diadiami-Nya (Efesus 1:13; 4:30). Roh Kudus membantu orang percaya dalam doa (Yudas 1:20) dan memohon syafaat bagi umat Tuhan sesuai dengan kehendak Tuhan (Roma 8:26–27).

HARI 23 - SABTU - 23 MAC 2024

Renungan : Kebangkitan Pendoa Syafaat

Bacaan Alkitab : Roma 8:29; Yohanes 2:6

Seorang pendoa syafaat ibarat peguam bela untuk orang lain sama seperti yang dilakukan oleh Roh Kudus.

Yohanes 14:26 AVB, Namun demikian, Penolong, iaitu Roh Kudus yang akan diutus Allah dalam nama-Ku, akan mengajarmu segala-galanya dan mengingatkanmu tentang apa yang telah Kukatakan kepadamu.

Roh Kudus telah diutus untuk menjadi Pembela bagi kita. Dia adalah Pemberi Syafaat. Dia bekerja di dalam dan melalui kita untuk menjadi pendoa syafaat.

Intipatinya cukup jelas iaitu bahawa kita harus digalakkan untuk berdoa sebagaimana Roh Kudus berdoa bagi kita. Roh Kudus yang diam di dalam kita, dengan lembut menerima doa-doa kita dan menyelaraskannya dengan kehendak Tuhan di hadapan takhta-Nya.

Kebangkitan pendoa syafaat harus didorong dari fungsi Roh Kudus yang menjadi Penolong dan Pembela bagi kita dalam doa.

(c) Perintah Kitab Suci

Alkitab adalah asas mutlak bagi kehidupan orang percaya dan bahawa kita semua, tanpa kecuali, dipanggil untuk memberi syafaat.

1 Timotius 2:1-2 AVB, 1Pertama-tama aku menyeru supaya permohonan, doa, syafaat dan kesyukuran dinaikkan untuk semua manusia – 2untuk raja-raja dan semua yang memegang kuasa, supaya kita hidup aman tenteram, salih dan penuh hormat. (bnd Mazmur 122:6-9).

Efesus 6:18 AVB, Sambil itu, pohonlah sentiasa dengan segala doa dan rayuan dalam Roh, serta berjaga-jaga dengan segala ketekunan dan permohonan untuk semua orang yang salih.

Kita tidak akan memahami sepenuhnya misteri doa dalam kehidupan ini, tetapi kita tahu bahawa Tuhan memerintahkan kita untuk berdoa. Dia telah menetapkan doa sebagai cara kita bekerjasama dengan-Nya dalam melaksanakan kehendak-Nya yang berdaulat.

Kebangkitan pendoa syafaat harus dilakukan sesuai dengan perintah Kitab Suci sebagai asas mutlak bagi kehidupan orang percaya.

Untuk menyimpulkan, dengan melihat tiga kebenaran di atas, maka kebangkitan pendoa syafaat adalah sesuatu yang relevan sepanjang zaman dan tidak dapat diabaikan. Justeru, doa adalah gaya kehidupan Kerajaan Tuhan. Kita semua dipanggil untuk menjadi pendoa syafaat.

Kita semua sepatutnya menjadi seperti Yesus dalam syafaat. Kita semua selayaknya membenarkan Roh Kudus mengalir melalui hidup kita dan menyatakan diri-Nya dalam syafaat kita. Dan kita semua diperintahkan untuk mentaati perintah Tuhan dalam Kitab Suci.

HARI 23 - SABTU - 23 MAC 2024

Renungan : Kebangkitan Pendoa Syafaat

Bacaan Alkitab : Roma 8:29; Yohanes 2:6

Bagaimanakah anda tahu bahawa anda dipanggil untuk menjadi pendoa syafaat? Periksa paru-paru anda. Adakah anda bernafas? Jika ya, maka, anda dipanggil untuk menjadi pendoa syafaat!

Bahan Doa

Saya berdoa Kebangkitan Pendoa Syafaat terus menjadi pemangkin kepada kegerakan rohani yang sedang terjadi di seluruh gereja dan mencetus kebangunan rohani secara nasional dan global.

1. Penjangkauan Warga Asing yang berada di negara ini terus menjadi misi dalam gereja-gereja khususnya untuk penuaian besar-besaran.
2. Pemeliharaan Tuhan untuk Pendatang Tanpa Izin yang juga dikasihi Tuhan. Mereka menerima layanan yang baik dan adil. Mereka mengalami lawatan Tuhan, pertobatan besar-besaran dan keselamatan dalam nama Tuhan.
3. Malaysia terus memelihara hubungan Perhubungan Antarabangsa yang baik di seluruh dunia. Ini akan meningkatkan perniagaan dua hala dan menjadi pendorong kepada kebangkitan ekonomi secara global.

HARI 24 - AHAD - 24 MAC 2024

Renungan : Penyegaran Rohani

Bacaan Alkitab : Yohanes 15:5

Yohanes 15:5 (TB)

Akulah pokok anggur dan kamulah ranting-rantingnya. Barangsiapa tinggal di dalam Aku dan Aku di dalam dia, ia berbuah banyak, sebab di luar Aku kamu tidak dapat berbuat apa-apa.

Kehidupan Rohani yang Kuat ditentukan oleh Kesegaran Rohani yang terus menerus. Memiliki kehidupan rohani yang kuat kita memerlukan usaha untuk mengupayakannya. Salah satunya adalah dengan membangun hubungan yang dekat dengan Tuhan Yesus tinggal tetap di dalam Dia. Itu adalah gambaran hidup kita yang diwarnai dengan doa. Doa adalah salah satu sarana kita untuk berkomunikasi dengan Tuhan supaya rohani kita senantiasa mendapatkan kesegaran dari sang sumber.

Melalui komunikasi inilah kita dapat menjalin hubungan yang intim dengan Tuhan, semakin kita intim dengan Tuhan maka semakin kuat serta disegarkan kerohanian kita. Orang-orang yang memiliki kehidupan rohani yang baik akan menjadi lebih kuat dalam menghadapi persoalan dan tantangan hidup, sehingga tidak mudah menyerah dalam menanti pertolongan Tuhan.

Sangat jelas Firman Tuhan mengatakan, diluar Yesus kita tidak dapat berbuat apa-apa. Bermaksud, sebesar apa pun usaha yang kita coba lakukan supaya kekal berada dalam situasi rohani yang segar, kita tidak mungkin berhasil selama kita tidak melibatkan Kristus selaku sang sumber kerana pertolongan hanya datang daripada Dia yang memberi kemenangan, kesegaran rohani hanya boleh terjadi kepada barangsiapa yang meletakkan harapannya kepada Yesus dengan sepenuh hati.

Karena itu, marilah kita menjadi semakin kuat di dalam Tuhan, dengan terus berusaha supaya kita semakin dekat dengan-Nya. Ingatlah bahwa Tuhan dekat dengan orang-orang yang mendekat kepada-Nya, dan Tuhan tidak akan pernah mengulur-ulur pertolongan-Nya kepada orang-orang yang memiliki hubungan dekat dengan-Nya. Jangan pernah putus asa dalam menanti pertolongan Tuhan. Mari pergunakan waktu kita untuk terus menjalin hubungan intim dengan Tuhan Yesus maka kita akan mendapatkan kesegaran rohani yang terus menerus Amin.

Kehidupan Rohani yang Kuat di tentukan oleh Kesegaran Rohani yang terus menerus didalam Kristus.

HARI 24 - AHAD - 24 MAC 2024

Renungan : Penyegaran Rohani

Bacaan Alkitab : Yohanes 15:5

Bahan Doa

Malaysia mengalami Penyegaran Rohani yang membawa kepada transformasi rohani dan kesatuan Tubuh Kristus secara besar-besaran.

1. Perhubungan yang baik dari segi ekonomi, sosial, politik dan persaudaraan serantau di kalangan Negara-negara ASEAN. Kesatuan ASEAN akan menjadi landasan yang sangat baik untuk pertumbuhan ekonomi dan penjangkauan jiwa yang besar.
2. Malaysia mempunyai hubungan antarabangsa yang baik dengan Negara-negara Asia, Komanwel, Timur Tengah, Negara-negara Eropah dan Barat. Hubungan ini akan menjadikan Malaysia sebuah negara yang memelihara keharmonian dan kesejahteraan sejagat.
3. Malaysia menjadi negara pelancongan yang baik, meningkatkan ekonomi dan menjadikan Malaysia hub penjangkauan jiwa yang besar.

HARI 25 - ISNIN - 25 MAC 2024

Renungan : Kebangunan Rohani Suku-Bangsa

Bacaan Alkitab : 2 Tawarikh 7:14

"..dan umat-Ku, yang atasnya nama-Ku disebut, merendahkan diri, berdoa dan mencari wajah-Ku, lalu berbalik dari jalan-jalannya yang jahat, maka Aku akan mendengar dari sorga dan mengampuni dosa mereka, serta memulihkan negeri mereka."

(2 Tawarikh 7:14) (TB)

Secara khasnya kita semua mengetahui apa itu Kebaktian Kebangunan Rohani (KKR) Tetapi ada satu pertanyaan yang masing-masing kita perlu jawab seccara jujur. Apakah "saya benar-benar mengalami kebangunan rohani?"

Ada satu lagi pertanyaan yang harus dijawab terlebih dahulu, yaitu, Apakah saya mengerti apa itu kebangunan rohani?

Sebab ada kemungkinan kita kurang memahami apa itu kebangunan rohani. Kemungkinan kebangunan rohani yang kita fahami hanya berkisar mengenai Kebaktian Kebangunan Rohani (KKR) dari segi acaranya dan kegiatan acara baptisan di akhir acara KKR.

Disini ada beberapa pertanyaan yang perlu kita jawab.

- 1). Berapa banyak dari kita yang tahu bahwa kita MEMERLUKAN kebangunan rohani?
- 2). Berapa banyak dari kita yang INGIN kebangunan rohani?
- 3). Berapa banyak dari kita yang tahu APA kebangunan rohani itu?
- 4). Berapa banyak dari kita yang pernah MENGALAMI kebangunan rohani yang nyata dalam hidup kita secara pribadi?

Apakah itu kebangunan rohani?

Kebangunan rohani mengacu pada kebangkitan rohani dari keadaan tidur atau keadaan rohani kita yang tidak lagi mengelamai pertumbuhan. Kebangunan Rohani mencakup munculnya kembali kasih kepada Tuhan, penghargaan akan kekudusan Tuhan, hasrat untuk Firman-Nya dan gereja-Nya. Kesadaran akan dosa pribadi dan dosa kolektif yang mungkin dilakukan, semangat kerendahan hati, dan keinginan untuk pertobatan dan pertumbuhan dalam kebenaran.

Kebangunan rohani menyegarkan dan memperdalam iman orang percaya, membuka matanya terhadap kebenaran dengan cara yang baru dan segar.

Kebangunan rohani menghancurkan keterikatan kita terhadap keindahan dunia yang telah mengikat kita yang membutuhkan mata rohani manusia sehingga manusia terbuai oleh nya.

Kebangunan Rohani Berkaitan dengan Firman Tuhan Rasul Petrus mengatakan susu murni (1 Ptr 2:2) Dan jadilah sama seperti bayi yang baru lahir, yang selalu ingin akan air susu yang murni dan yang rohani, supaya olehnya kamu bertumbuh dan beroleh keselamatan.

HARI 25 - ISNIN - 25 MAC 2024

Renungan : Kebangunan Rohani Suku-Bangsa

Bacaan Alkitab : 2 Tawarikh 7:14

“Kebangunan rohani berhubungan erat dengan Firman Tuhan. Jika kita ingin kebangunan rohani, kita harus menghidupkan kembali rasa hormat kita kepada Firman Tuhan.

Jika kita merasa Tuhan seolah-olah jauh dan kita merasa kering dalam kehidupan rohani, maka kita memerlukan penyegaran rohani yang datang dari hadirat Tuhan. Karena pada akhirnya Hadirat-Nya adalah inti dari kebangunan rohani.

Pertobatan merupakan langkah yang perlu kita lakukan (Akui dosa). Singkirkan semua dosa rahasia yang selama ini kita anggap remeh dan minta pengampunan Tuhan, agar dosa-dosa kita dihapuskan, supaya ada penyegaran rohani terjadi yang datang dari hadirat Tuhan.

Pembaruan rohani akan terjadi, kepada setiap pribadi, gereja, atau komuniti bila mereka terbuka terhadap terang Firman Tuhan didalam hidup kita.

Kebangunan Rohani terjadi dari diri kita sendiri ketika kita memiliki kehausan akan Tuhan dan secara konsisten mencari wajah-Nya setiap saat.

Bahan Doa

Saya berdoa Kebangunan Rohani di setiap Suku-Bangsa akan terjadi di Malaysia dan global. Kebangunan rohani ini adalah gelombang Roh Kudus yang melawat dan mendiami setiap suku dan teritori.

1. Kebangunan rohani secara global sedang terjadi di seluruh dunia dan kebangkitan ini akan membakar di setiap daerah, bandar dan kota-kota besar diseluruh dunia. Setiap negara dilawat dan didiami Tuhan untuk kemuliaan Nama-Nya yang besar.
2. Kebangkitan Gereja-gereja diseluruh dunia untuk melatih dan mengirim missionary yang menjadi Duta Kristus mengobarkan Kerajaan-Nya.
3. Kegerakan Jaringan Doa Antarabangsa yang menjadi penghubung yang baik antara gereja-gereja untuk bersama menggerakkan Amanat Agung Tuhan Yesus memenangkan dunia ini bagi Kristus.

HARI 26 - SELASA - 26 MAC 2024

Renungan : Penuaian Jiwa Yang Besar

Bacaan Alkitab : Lukas 10:2

Lukas 10:2 (TB)

Kata-Nya kepada mereka: "Tuaian memang banyak, tetapi pekerja sedikit. Karena itu mintalah kepada Tuan yang empunya tuaian, supaya Ia mengirimmkan pekerja-pekerja untuk tuaian itu.

Pernahkah anda berdiri di tengah ladang sawah padi yang luas dan menguning? Anda menghayati keindahan padi yang siap dituai. Di zaman remaja saya, saya pernah bersama dengan orang tua saya untuk mengetam padi di ladang padi bukit. Pada awalnya saya bersemangat namun tenaga mulai berkekurangan sehingga saya terduduk-duduk mengetam padi kerana keletihan. Memikirkan perkara tersebut, saya sangat mengagumi dan menghormati betapa orang tua saya tidak pernah ingin meninggalkan atau membiarkan padi tersebut dibazirkan sehingga reput dan tidak berguna. Ladang yang menguning adalah satu harta yang sangat berharga di hati Orang tua saya.

Di dalam Lukas 10:2 menyatakan tentang tuaian sangat banyak tetapi yang menuai tuaian itu sangat sedikit. Jika kita mengingatkan kembali cerita saya di zaman remaja tadi, orang tua saya tidak mahu meninggalkan padi-padi tersebut terbiar tanpa dituai.

Saya juga ingin menarik perhatian kita kepada tuaian yang banyak seperti apa yang dikatakan dalam Lukas 10:2 ini. Tuaian yang banyak ini menggambarkan jiwa-jiwa manusia yang perlu diselamatkan supaya tidak "reput" kerana ditinggalkan.

Salah satu ciri gereja kuat dan sihat, adalah menjangkau jiwa-jiwa untuk Kristus. Persoalannya adakah gereja kita punya ciri ini? Jika tidak, kita perlu menanam dan memberi kesedaran kepada generasi kita supaya melihat jiwa-jiwa yang belum diselamatkan sebagai satu harta yang sangat berharga dan tidak boleh dibiarkan. Jika generasi kita punya hati yang cinta jiwa-jiwa secara langsung memberi impak kepada gereja untuk melahirkan gereja kuat dan generasi kuat.

Sepanjang Doa Puasa Nasional tiga wilayah ini, mari kita bersama-sama memberi komitmen baru sebagai satu gereja dan satu generasi di dalam mencintai jiwa-jiwa untuk Tuhan, jika esensi ini sudah pudar dan malap dalam gereja kita amnya dan diri kita secara peribadi khususnya. Hari ini ambil masa mengevaluasi diri anda dan berkata, "Tuhan berikan ku hati seperti hati-Mu mencintai jiwa-jiwa yang terhilang".

Bahan Doa

Saya berdoa Desakan Penuaian Jiwa terjadi secara global dan merebak ke setiap benua di dunia ini.

1. Kegerakan Jangkauan Suku-Suku Terabai akan terjadi di setiap negara. Suku-suku sudah terbuka menerima Injil Kerajaan Allah. Gereja-gereja menggerakkan misinya dengan kuat kuasa Roh Kudus dan menjangkau jiwa-jiwa dalam skala yang besar. Gereja-gereja bersatu untuk membawa Kerajaan Allah masuk ke dalam dunia dan menjadi terangNya yang besar.
2. Penuaian dan jangkauan yang besar terjadi di semua negara dan setiap kota dan daerah di dunia ini memiliki gereja yang kuat untuk memenangkan jutaan jiwa ke dalam Kerajaan Allah.
3. Kegerakan lima jabatan iaitu rasul, nabi, penginjil, pengajar dan gembala akan menjadi sebuah kekuatan gereja-Nya untuk bersatu memenangkan dunia ini bagi Kristus. Tuhan membangkitkan lima jabatan ini diseluruh dunia untuk memperlengkapinya gereja-Nya.

HARI 27 - RABU- 27 MAC 2024

Renungan : Hati Misi Suku Terabai

Bacaan Alkitab : Yesaya 49:6b

Yesaya 49:6b Tetapi Aku akan membuat engkau menjadi terang bagi bangsa-bangsa supaya keselamatan yang dari pada-Ku sampai ke ujung bumi!"

Majoriti gereja, sedang bergelut dengan masalah tidak memahami kebenaran Firman Tuhan. Kita percaya bahawa Injil adalah untuk semua orang, tetapi kecenderungan kita adalah kita senang mendengar khutbah yang memberi motivasi diri dan kita telah menjadi sangat selesa dengan keadaan diri sendiri sehingga lupa tanggungjawab kita sebagai orang percaya. Kita suka berkumpul dengan sama suku kita, dengan status yang sama malah memandang sebelah mata orang yang tidak sama lingkungan kita.

Isi hati Tuhan untuk gereja-Nya sangat berbeza dengan isi hati beberapa generasi Kristian masa kini. Injil adalah untuk semua orang dan begitu juga hati Tuhan, oleh itu hati kita harus sama seperti hati Tuhan yang rindu semua orang diselamatkan. Isi hati Tuhan ini bergema dalam Alkitab, baik dalam Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru. Mesej yang sama bergema dalam Amanat Agung yang diberikan oleh Yesus kepada murid-murid-Nya dan kepada kita dalam Matius 28:19, untuk terlibat secara aktif dalam rancangan Tuhan untuk keselamatan dunia.

Keinginan Tuhan yang tidak putus-putus ialah agar manusia mengakui Dia dan datang kepada-Nya dengan hati yang ikhlas. Namun dunia hari ini menolak Tuhan dengan sengaja dan tidak mahu mendengar tentang Dia. Maka Tuhan rindu supaya umat-Nya yang telah mengenal Dia, memahami kerinduan hati-Nya di dalam menjangkau orang-orang yang tidak pernah mendengar mesej kasih dan pengampunan supaya jiwa mereka diselamatkan.

Sedihnya gereja zaman ini kurang berminat di dalam pengjangkauan kerana lebih banyak, memberi tumpuan kepada dirinya sendiri dan selesa dalam kenikmatan berkat yang dialami. Selain itu gereja juga begitu tengelam di dalam pelayanan lain sehingga pengjangkauan jiwa baru iatu Misi dan Penginjilan diberi kurang tumpuan.

Menurut <https://joshuaproject.net/> masih terdapat 41.9% kumpulan yang belum dijangkau di seluruh dunia, yang tidak pernah mendengar nama Yesus Kristus. Satu peratusan yang sangat besar. Maka penginjilan seharusnya degupan jantung gereja. Ia bukan program pilihan dalam Gereja. Tuhan Yesus memberi banyak penekanan dalam hal ini semasa pelayanan-Nya di dunia ini. Kita perlu mencontohi Yesus dan terlibat secara aktif.

Marilah kita mempebaharui hati kita yang mungkin sudah pudar dan membuat komitmen untuk mengambil bahagian dalam menjangkau jiwa-jiwa terhilang sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui sokongan dana, doa, dan penglibatan secara fizikal kita. Janganlah kita mengabaikan lagi mereka kerana mereka perlu diselamatkan.

HARI 27 - RABU- 27 MAC 2024

Renungan : Hati Misi Suku Terabai

Bacaan Alkitab : Yesaya 49:6b

Bahan Doa

Saya berdoa Penuaian Jiwa Besar terjadi bagi semua suku-bangsa di Malaysia tercinta dan global.

1. Kebangunan Rohani Global melanda di seluruh dunia iaitu di universiti, tempat-tempat awam, gereja-gereja dan komuniti yang haus dan lapar akan lawatan Tuhan. Tuhan menggunakan semua orang percaya untuk mengobarkan kasih Tuhan dalam kuatkuasa-Nya yang besar.
2. Berdoa untuk persatuan di antara warga dan pemimpin bangsa. Kedamaian terjadi di seluruh dunia kerana hubungan yang baik diantara warga dan pemimpin bangsa.
3. Berdoalah agar keadilan ditegakkan di negara-negara yang mengalami kekacauan dan perpecahan. Berdoa memohon belas kasihan Tuhan untuk campurtangan agar perdamaian memerintah di negara-negara tersebut.

HARI 28 - KHAMIS - 28 MAC 2024

Renungan : Gereja Yang Kuat

Bacaan Alkitab : Matius 16:18

Dan Aku pun berkata kepadamu: engkau adalah Petrus dan di atas batu karang ini Aku mendirikan jemaat-Ku dan alam maut tidak akan menguasainya.” (TB)

“Sebab itu ketahuilah, engkau adalah Petrus, batu yang kuat. Dan di atas alas batu inilah Aku akan membangunkan gereja-ku, yang tidak dapat dikalahkan; sekalipun oleh maut.” (BIS)

Perkataan Yesus kepada Petrus dan murid-muridNya di daerah Kaisarea Filipi, menjadi landasan sebenar dan paling kuat untuk berdirinya gereja. Bila Yesus menyebut gereja, Dia tidak memakai istilah Yunani -Kyriakon (bangunan), tetapi Ekklesian/ Ekklesia (umat yang dipanggil keluar dan disuruh berkumpul sebagai warga umat Allah (bdg Efesus 2:19-22).

Maksud Yesus menyebut “di atas batu karang ini, Aku mendirikan jemaat-Ku” bukanlah bermaksud di atas Petrus gereja dibangun, tetapi di atas pengakuan Petrus yang kokoh “Engkau adalah Mesias, Anak Allah yang hidup” (Matius 16:16). Yesus Kristus sendirilah yang menjadi Batu Karang itu, iaitu dasar pertama dan utama dari gereja (1 Korintus 3:11). Dengan dasar ini maka gereja akan menjadi gereja yang kuat yang tidak terkalahkan. Gereja diperkenalkan sebagai umat Allah (1 Korintus 1:2; 10:32), umat yang terpanggil (2 Korintus 1:16-18), Bait Allah atau Bait Roh Kudus ((1 Korintus 3:16), tubuh Kristus (2 Korintus 6:15-16), mempelai perempuan Kristus (2 Korintus 11:2), suatu persekutuan rohani (2 Korintus 13:14), suatu pelayanan rohani (Roma 12:6), suatu pasukan yang terlibat dalam pertempuran rohani ((Efesus 6:17), sokoguru dan landasan kebenaran (1 Timotius 3:15), suatu umat dengan pengharapan masa hadapan (Yohanes 14:3), berada dalam bentuk yang tidak kelihatan dan yang kelihatan.

Jelas gereja bukanlah merujuk kepada bangunan gereja tetapi umat Allah sebagai anggota tubuh Kristus. Maka untuk menjadi gereja yang kuat haruslah:

1. Dasarnya Yesus Kristus (1 Petrus 1:1-12; 5:10-11)
2. Miliki Hubungan peribadi dengan Yesus Kristus (Filipi 3:7-11)
3. Menghidupi kesatuan tubuh Kristus (Yohanes 17:6-26; Kisah Para Rasul 4:32-37)
4. Melaksanakan Amanat Agung (Matius 28:18-20; 1 Korintus 9:16)

Hasilnya kita tidak akan digoyahkan oleh badai yang sekuat manapun melanda hidup kita (gereja). Yesus pernah memberi perumpamaan tentang dua macam dasar bangunan yang didirikan di tempat yang berbeza. Satu di atas batu dan satu di atas pasir. Yang bertahan dan tetap berdiri teguh adalah yang dibangun diatas batu (Matius 7:24-27). Inti dari perumpamaan ini adalah mendengar perkataan Kristus dan melakukannya maka akan dapat bertahan sebab dasarnya adalah pengajaran kebenaran Kristus yang kuat.

Demikianlah kehidupan jemaat atau orang percaya dari abad pertama sampai abad ke tiga yang walaupun melalui penganiayaan yang sangat hebat, namun mampu bertahan dan tidak menyangkal iman mereka kepada Kristus, malah terus setia melaksanakan Amanat Agung Tuhan Yesus Kristus sampai akhir hayat mereka. (baca sejarah gereja awal 500 tahun pertama- PristineWorld)

HARI 28 - KHAMIS - 28 MAC 2024

Renungan : Gereja Yang Kuat

Bacaan Alkitab : Matius 16:18

Masihkah Yesus Kristus menjadi dasar iman dan Perintah-Nya sebagai pegangan hidupmu?

Adakah sesuatu yang telah mengambil tempat Yesus Kristus dari prioritas hidupmu?

Berapa kerap dalam fikiran dan hatimu mempertahankan denominasi gerejamu sebagai yang paling benar dari denominasi gereja lain? Siapa kepala (ketua) gereja anda sebenarnya?

Apakah dalam jiwa, hati dan rohmu masih berkobar-kobar untuk bersaksi tentang keselamatan di dalam Yesus Kristus?

Dengan menjawab pertanyaan di atas dengan sejujur-jujurnya, maka kita boleh ditarik semula untuk menjiwai semangat juang dan ketekunan iman umat Tuhan pada awal sejarah gereja agar tetap menjadi gereja yang kuat. "Semakin sering kita ditekan...semakin banyak bilangan kita: Darah Martir (mati syahid) ialah benih bagi gereja" (Siri Sejarah Gereja untuk keluarga –PristineWorld m/s 72)

Mereka memperhatikan satu sama lain sebagai saudara lelaki dan saudara perempuan. Mereka memperhatikan orang miskin dan orang yang berkekurangan, baik orang Kristian mahupun bukan Kristian, dan hal ini mempermalukan orang bukan Kristian kerana mereka sendiri tidak memperhatikan orang miskin dan yang berkekurangan dalam kalangan mereka sendiri. Mereka menjalankan perniagaan dengan jujur dan menjalani kehidupan yang benar dan berakhlak. Mereka mempersalahkan amalan seperti pengguguran bayi dan pembunuhan bayi yang diamalkan oleh orang Romawi. Orang Romawi membawa bayi mereka yang lemah dan yang tidak diinginkan ke hutan dan meninggalkan mereka di sana untuk mati atau dipungut oleh perompak. Mereka tetap setia dalam perkahwinan dan tidak seperti apa yang berlaku dalam masyarakat Romawi. Mereka cuba berbuat baik kepada musuh mereka, dan apabila dianiaya, mereka tidak melawan. Mereka menghadapi kematian dengan gembira dan kehormatan. Mereka memperlakukan hamba mereka dengan baik dan membenarkan mereka mempunyai hak yang sama seperti semua orang lain dalam gereja; tuan memanggil hamba mereka sebagai saudara. Orang Romawi pula memperlakukan hamba mereka sebagai harta benda, bahkan membunuh hamba jika mereka marah dengan hamba tersebut. (Kisah benar pandangan masyarakat Romawi terhadap orang Kristian yang mereka benci. Dari buku: Siri Sejarah Gereja untuk keluarga – PristineWorld, mukasurat 49)

Yesus Kristus yang sama memerintahkan perkara yang sama dan Dia berjanji, "alam maut tidak akan menguasainya (gereja)" (Matius 16:18) dan "Dia menyertai kita sampai ke akhir zaman" (Matius 28:20).

HARI 28 - KHAMIS - 28 MAC 2024

Renungan : Gereja Yang Kuat

Bacaan Alkitab : Matius 16:18

Bahan Doa

Saya berdoa agar Tuhan membangkitkan gereja yang kuat dalam persaudaraan, pemuridan, penjangkauan dan berdoa untuk memenangkan territorial dan sekaligus menegakkan Kerajaan Allah di bumi ini.

1. Kemakmuran: Berdoa untuk kemakmuran bangsa dan warganya. Negara-negara yang mengalami bencana kekurangan makanan, bencana alam, peperangan, kesakitan dan pergolakan politik akan mendapat campurtangan Tuhan untuk menerima kemakmuran ilahi.
2. Perlindungan: Berdoa untuk perlindungan bangsa dan warganya. Negara-negara mengutamakan keamanan dan menghentikan peperangan melalui kesepakatan rundingan yang baik, saling memerlukan dan menghormati kedaulatan negara masing-masing.
3. Kebangkitan: Berdoa untuk kebangkitan rohani di negara-negara di seluruh dunia. Gereja-gereja menggunakan teritori media sosial atau digitalisasi untuk memberitakan Injil Kerajaan.

HARI 29 - JUMAAT - 29 MAC 2024

Renungan : Generasi Yang Kuat

Bacaan Alkitab : 2 Timotius 1:3-14 (5-7)

“Sebab aku teringat akan imanmu yang tulus ikhlas, yaitu iman yang pertama-tama hidup di dalam nenekmu Lois dan di dalam ibumu Eunike dan yang aku yakin hidup juga di dalam dirimu. Kerana itulah kuperingatkan engkau untuk mengobarkan karunia Allah yang ada padamu oleh penumpangan tanganku atasmu. Sebab Allah memberikan kepada kita bukan roh ketakutan, melainkan roh yang membangkitkan kekuatan, kasih dan ketertiban.” (TB)

Dari bacaan di atas ada empat nama dan peringkat umur yang berbeza: Paulus, Timotius, Lois dan Eunike. Sebelum kita membahaskan bahagian ini, ada baiknya kita melihat perbezaan generasi menurut kajian Dr Alexis Abramson seperti dibawah ini.

Menurut beliau, tahun kelahiran kita sangat mempengaruhi tingkah laku, persepsi, nilai dan kelakuan kita. Dari situlah, kita dapat melihat persamaan dalam generasi yang lahir pada lingkungan masa yang sama. Mari kita kenali ciri-ciri dan perbezaan generasi dengan lebih dekat.

1. Baby Boomers

- Lahir antara tahun 1946-1964.
- Selepas perang dunia kedua.
- Umur antara 57-75.
- Meniti tahun-tahun terakhir dalam pekerjaan.
- Menggunakan media tradisional.
- Mempunyai ciri-ciri seperti: komited, berdikari, berdaya saing.
- Mereka sukar menerima perubahan atau “degil”.

2. Generasi X (Gen X)

- Lahir antara tahun 1966-1980.
- Teknologi berkembang pantas.
- Bergelut menyesuaikan diri (media digital dan bukan digital).
- Tanggungjawab kewangan yang tinggi (tanggung anak-anak dan orang tua).
- Miliki personality seperti: pandai menyelesaikan masalah, rajin mengkaji, dan berfikiran logik.

3. Generasi Y (Gen Y)

- Digelar sebagai Millenials / millenium.
- Lahir antara tahun 1980-1995.
- Pertama membesar dengan zaman Millenium baru (awal 2000an).
- Digelar juga sebagai ‘digital natives’ sebab telah merasai pengalaman menggunakan pelbagai media sosial.
- Personaliti seperti: Yakin, sering rasa ingin tahu dan sering mempersoalkan banyak isu. Sehingga kurang disenangi generasi yang lebih tua.

HARI 29 - JUMAAT - 29 MAC 2024

Renungan : Generasi Yang Kuat

Bacaan Alkitab : 2 Timotius 1:3-14 (5-7)

4. Generasi Z (Gen Z)

- Lahir ketika teknologi sudah berkembang lengkap (1997-2012).
- Memiliki handphone seawal 10 tahun dan menggunakan masa berjam-jam.
- Memiliki personality seperti: bercita-cita tinggi, yakin dan sangat bergantung pada dunia digital.

5. Generasi Alpha

- Lahir pada tahun 2010-2025.
- Mengenal gajet dan sangat pintar menggunakan teknologi canggih.
- Setiap minggu ada 2.5 juta anak dilahirkan di dunia.
- Dijangka memberi impak pada dinamika dunia –komunikasi global.
- Namun terdedah kepada ancaman cyber dan kesihatan mental kerana dipengaruhi oleh media sosial. (sumber: By Nazurah Hassan Posted on September 19, 2021 https://siraplimau.com/maksud-generasi-x-y-z-alpha#google_vignette diakses pada Jumaat 26 Jan 2024 jam 10:44pm)

Kembali kepada ayat Alkitab di atas tadi, Rasul Paulus mengucap syukur kepada Allah atas iman dan kekudusan Timotius. Dimana Timotius mewarisi iman ibunya (Eunike) dan neneknya (Lois). Walaupun Timotius terpisah dari Rasul Paulus yang sedang berada di dalam penjara, namun Paulus tetap mengingat dan mendoakan anak rohaninya Timotius. Paulus tahu, pelayanan Timotius di Efesus tidak mudah dan memerlukan dorongan dan galakan dari dirinya. Berdasarkan pada anugerah dan kekuatan dari Allah yang telah Timotius terima, Paulus menasihati Timotius agar tidak malu berksaksi dan tidak takut untuk menderita bagi Kristus (2 Tim 1:8). Hubungan mereka bukan hanya ikatan emosional, tetapi juga merupakan pembentukan senior yang akan menyelesaikan tugasnya (2 Tim 4:6-8).

Paulus, Eunike, Lois dan Timotius adalah dari generasi yang berbeza. Mereka menjadi generasi yang kuat adalah kerana dari generasi ke generasi yang saling membantu dan melengkap. Setiap generasi saling memerlukan. Sudah tentunya cabaran dalam setiap era berbeza-beza namun satu kalimat yang menjamin kekuatan setiap generasi adalah Takut akan Tuhan. Dalam Alkitab banyak sekali contoh peribadi yang kuat dan berhasil dalam bidang masing-masing, diantaranya:

1. Yusuf –ditolak oleh adik-beradik tirinya- dijual jadi hamba- namun diangkat oleh Tuhan menjadi penguasa nombor dua di Mesir (Kejadian 37-50(45:5-8; 50:19-21).
2. Musa –Seorang yang tergolong dalam senarai bayi yang akan dibunuh oleh Firaun, namun atas kehendak Tuhan diangkat menjadi anak puteri Firaun. Dan akhirnya membawa orang Israel keluar menuju tanah Perjanjian Tuhan –Kanaan (Kitab Keluaran)
3. Yosua –miliki mentor iaitu Musa- berani berdiri atas janji Tuhan- dapat merebut tanah Kanaan (Kitab Yosua).
4. Gideon -orang biasa- kaum Israel ditindas oleh musuh/Midian- dia musnahkan altar baal penduduk kota- mendapat kemenangan besar dalam perang (Hakim-Hakim 6-8).

HARI 29 - JUMAAT - 29 MAC 2024

Renungan : Generasi Yang Kuat

Bacaan Alkitab : 2 Timotius 1:3-14 (5-7)

5. Rut –Bukan keturunan Israel- memilih Tuhannya Israel- menjadi salah satu nenek moyang Yesus dalam silsilah (Kitab Rut).
6. Samuel –jawapan doa- mendengar suara Tuhan- menjadi Hakim (Kitab 1 Samuel).
7. Daud –Pemberani- menunggu waktu Tuhan- menjadi raja (Kitab 1 & 2 Samuel)
8. Salomo –Raja dan arkitek bangunan megah- dikuasai hikmat Tuhan (Kitab 1 Raja-Raja).
9. Daniel –ditawan bersama kawan-kawannya- pendoa yang setia- dipercayai oleh raja (Kitab Daniel).
10. Tabita atau Dorkas –tukang jahit pakaian- membantu janda-janda - dikenang jasanya (Kisah Para Rasul 9:36-43).
11. Stefanus –martir/ mati syahid pertama- mengampuni- benih orang percaya- gereja bertumbuh (Kisah Para Rasul 6-7).
12. Dan banyak lagi.

Peribadi di luar Alkitab seperti: Origen (tahun 185-254 Masehi: Ahli Teologi, Cendiakiawan terkemuka zaman gereja awal- berjaya mematahkan dalil ajaran sesat – Dari buku: Siri Sejarah Gereja untuk keluarga –PristineWorld, mukasurat 89), Manny Pacquiao (Atlet Petinju- orang biasa dan miskin namun berjaya kerana usaha gigih dan pertolongan Tuhan, dia dapat menolong banyak orang miskin di desanya), Hannah Yeoh (Ahli Politik- diakui oleh banyak orang tentang intergriti dan kesungguhan perkhidmatannya sebagai Wakil rakyat yang disegani), dan banyak lagi.

Dari sejarah dalam segala zaman, penentu sebuah generasi menjadi kuat dan berhasil dalam ketujuh pilar atau tiang kerjaya adalah kerana memiliki sikap yang sungguh-sungguh takut akan Allah dan mengasihi Dia dengan segenap hati, segenap kekuatan dan segenap akal budi.

Bagaimana dengan anda? Tuhan boleh mengangkat anda ketahap yang lebih tinggi sepertimana contoh-contoh di atas agar nama Tuhan dimuliakan.

Jadilah generasi yang beriman, generasi yang mencari Firman Allah, generasi yang menjadi berkat bagi segala bangsa. Pernyataan Allah ini akan menjadi bahagian hidupmu iaitu, “Tuhan akan mengangkat engkau menjadi kepala dan bukan menjadi ekor, engkau akan tetap naik dan bukan turun, apabila engkau mendengarkan perintah Tuhan, Allahmu, yang kusampaikan pada hari ini kau lakukan dengn setia.” (Ulangan 28:13)

HARI 29 - JUMAAT - 29 MAC 2024

Renungan : Generasi Yang Kuat

Bacaan Alkitab : 2 Timotius 1:3-14 (5-7)

Bahan Doa

Berdoa kebangkitan Generasi Akan Datang dalam iman yang benar dan teguh mengharungi segala cabaran dan rintangan kehidupan. Mempunyai iman seperti Daniel dan teman-temannya mengharungi cabaran globalisasi yang semakin mencabar.

1. Kegerakan generasi muda secara global memberitakan Kristus di setiap persekolahan, university dan pusat-pusat pendidikan yang terkenal di seluruh dunia. Dunia mengalami penuaian jiwa besar-besaran merentasi semua suku, budaya dan bangsa.
2. Cabaran Generasi Baru secara global berkaitan dengan masalah identity yang makin menyerang anak-anak muda seperti penyalahgunaan teknologi AI (Artificial Intelligence), LGBTQ, masalah moral dan pengaruh ketagihan dadah, media social dan seksual bebas yang sedang mengambil masa anak-anak muda.
3. Kegerakan pemuridan yang efektif dan dinamik di peringkat global melalui kaedah-kaedah yang relevant, disengajakan dan mendekatkan Gereja-Nya kepada komuniti. Gereja diterima dengan baik kerana melalui GerejaNya manusia mengenal Tuhan.

HARI 30 - SABTU - 30 MAC 2024

Renungan : Terobosan Rohani

Bacaan Alkitab : Lukas 18:14

“Aku berkata kepadamu bahawa pemungut cukai ini pulang ke rumahnya dengan diperkenankan Allah tetapi orang Farisi itu tidak. Sesiapa yang meninggikan diri akan direndahkan, dan sesiapa yang merendahkan diri akan ditinggikan.” AVB

PEMERHATIAN:

Tuhan Yesus menceritakan ibarat tentang dua orang yang pergi ke Bait Suci untuk berdoa. Seorang adalah orang Farisi dan seorangnya lagi adalah pemungut cukai.

Orang Farisi dalam doanya, dia menyampaikan syukurnya kepada Tuhan atas semua kebajikannya serta membandingkan dirinya lebih baik dari pemungut cukai yang turut masuk ke dalam Bait Suci itu untuk berdoa. Sementara itu, pemungut cukai itu juga berdoa dan hanya menyatakan, “Ya Allah, kasihanilah hamba, orang berdosa ini,” sambil mendebah dada dan tidak berani menengedah ke langit.

Ayat firman Tuhan dalam renungan ini menyatakan dengan jelas dari Yesus sendiri bahawa pemungut cukai itulah yang mendapat perkenan dan ditinggikan oleh Allah. Kenapa? Pemungut cukai itu datang berdoa kepada Allah dengan kerendahan hati serta membandingkan dirinya sendiri dengan Allah yang Mahakudus, bukan membandingkan dirinya dengan orang lain.

PENERAPAN/APLIKASI:

Terobosan rohani yang sebenar adalah kita mendapat perkenan Allah dalam apapun yang kita lakukan atau apa pun yang kita lakukan, ianya harus sesuai dengan perkenan Allah sendiri. Merendahkan diri sepenuhnya di hadapan Tuhan serta memberikan penghormatan tertinggi kepada Tuhan adalah kunci kepada terobosan rohani.

Mahukan engkau datang kepada Tuhan dengan kekudusan dan kerendahan hati serta meninggikan Tuhan dalam doamu hari ini?

“JADILAH SEPERTI ORANG FARISI DALAM KESALEHAN, TETAPI SEPERTI PEMUNGUT CUKAI DALAM KERENDAHAN HATI.”

PENYATAAN/DEKLARASI:

“...lalu umat-Ku, yang dipanggil atas nama-Ku, merendahkan diri, berdoa, mencari wajah-Ku dan berpaling dari jalan mereka yang jahat, maka Aku akan mendengar dari syurga, mengampunkan dosa mereka serta memulihkan negeri mereka.” 2 Tawarikh 7:14 (AVB)
Biarlah terobosan rohani terjadi kepada saya melalui pertaubatan sejati dari dosa serta sungguh-sungguh merendahkan diri serta memuliakan Tuhan dengan penuh sukacita dan tulus ikhlas.

HARI 30 - SABTU - 30 MAC 2024

Renungan : Terobosan Rohani

Bacaan Alkitab : Lukas 18:14

Bahan Doa

- 1.Kehormatan: Berdoa untuk bangsa yang Menghormati Allah. Bila bangsa-bangsa menghormati Allah, maka, Tuhan mencurahkan belas kasihan dan pertobatannya untuk bangsa tersebut. Oleh itu, terobosan terjadi kerana adanya perkenanan Tuhan yang luarbiasa.
- 2.Kebenaran: Berdoa untuk negara yang dipimpin oleh kebenaran dan akan berbalik menuju kebenaran. Para pemimpin menjadi takut akan Tuhan. Takut akan Tuhan adalah merendahkan hidup dan negara mereka di hadapan Tuhan. Tuhan mencurahkan berkatNya kepada negara yang memelihara kebenaran didalam pemerintahannya.
- 3.Kebebasan: Berdoa untuk kebebasan agar Injil dapat dibagikan dengan bebas dan agar orang percaya dapat menyembah dalam roh dan kebenaran. Gereja-gereja dapat dibangunkan diseluruh negara di dunia ini untuk menjadi hub pemuridan dan penginjilan yang cepat.

HARI 31 - AHAD - 31 MAC 2024

Renungan : Mempersiapkan Mempelai Kristus

Bacaan Alkitab : Wahyu 2:11

WAHYU 2:11

"Siapa bertelinga, hendaklah ia mendengarkan apa yang dikatakan Roh kepada jemaat-jemaat: Barangsiapa menang, ia tidak akan menderita apa-apa oleh kematian yang kedua." (LAI-TB)

PEMERHATIAN:

Ada dua mesej penting yang disampaikan kepada ketujuh jemaat yang dicatatkan dalam kitab Wahyu 2 dan 3, yang merupakan mesej penting untuk mempersiapkan kita sebagai mempelai Kristus menjelang kedatangan-Nya yang kedua kalinya. Mesej itu ialah:

1. "Siapa bertelinga, hendaklah ia mendengarkan apa yang dikatakan Roh (Roh Kudus) kepada jemaat-jemaat."

- Terbuka, peka dan rendah hati untuk mendengar serta mentaati apa yang Roh Kudus sampaikan serta mahu kerjakan kepada kita jemaat-Nya.
- Jangan sesekali kita gereja-Nya mendukakan, menolak, apalagi menghujat Roh Kudus.
- Bahawa di akhir zaman ini, sesuai dengan nubuatan dalam Alkitab, Roh Kudus akan bekerja dengan lebih luar biasa untuk mempersiapkan gereja Tuhan untuk menyambut kedatangan Kristus yang kedua kalinya.

2. "Barangsiapa menang.."

- Mesej ini mengingatkan kita bahawa kita sedang berhadapan dengan peperangan rohani. Dalam peperangan ini, akan ada pihak yang menang dan kalah. Kemenangan adalah pilihan kita.
- Kemenangan terbesar kita adalah kita bukan sahaja sungguh-sungguh percaya kepada Kristus, tetapi kita taat dan setia kepada-Nya sampai garis akhir hidup kita di dunia ini.

PENERAPAN/APLIKASI:

Dengar dan taatilah dengan setia apa yang Roh Kudus katakan kepadamu hari ini dan pililah untuk lebih mentaati-Nya dengan setia dan jangan sesekali mendukakan Roh Kudus.

Bila kali terakhir engkau mendengar dengan jelas apa yang Roh Kudus katakan kepadamu secara peribadi?

"DENGARLAH APA YANG ROH KUDUS KATAKAN DAN TAATILAH, KERANA KETAATAN ADALAH KUNCI KEMENANGAN DALAM MEDAN PEPERANGAN ROHANI."

PENYATAAN/DEKLARASI:

Sebagai mempelai Kristus, saya bersedia pada bila-bila masa untuk menyambut kedatangan-Nya sebagai MEMPELAI KUDUS yang penuh dengan Roh Kudus.

HARI 31 - AHAD - 31 MAC 2024

Renungan : Mempersiapkan Mempelai Kristus

Bacaan Alkitab : Wahyu 2:11

Bahan Doa

1. Berdoa agar gereja-gereja dipersiapkan menghadapi serangan dan ancaman musuh dari dalam dan luar gereja. (Matius 13:39 - "Musuh yang menaburkan benih lalang ialah Iblis. Waktu menuai ialah akhir zaman dan para penuai itu malaikat.")
2. Berdoa agar gereja-gereja mengajar ajaran-ajaran yang benar untuk mengatasi segala ancaman ajaran-ajaran sesat. (Matius 24:24 - "Sebab Mesias-mesias palsu dan nabib-nabi palsu akan muncul dan mereka akan mengadakan tanda-tanda yang dahsyat dan mujizat-mujizat, sehingga sekiranya mungkin, mereka menyesatkan orang-orang pilihan juga.")
3. Berdoa gereja-gereja mempersiapkan mempelaiNya yang layak dan dikuduskan menerima kedatangan Yesus Kristus kedua kalinya. (Matius 24:29-31- "Segera sesudah siksaan pada masa itu, matahari akan menjadi gelap dan bulan tidak bercahaya dan bintang – bintang akan berjatuhan dari langit dan kuasa – kuasa langit akan goncang. Pada waktu itu akan tampak tanda Anak Manusia di langit dan semua bangsa di bumi akan meratap dan mereka akan melihat Anak Manusia itu datang di atas awan – awan di langit dengan segala kekuasaan dan kemuliaanNya. Dan Ia akan menyuruh keluar malaikat – malaikatNya dengan meniup sangkakala yang dahsyat bunyinya dan mereka akan mengumpulkan orang – orang pilihanNya dari keempat penjuru bumi, dari ujung langit yang satu ke ujung langit yang lain.")
4. Berdoa agar gereja-gereja terus membangunkan api doa dan kegerakan jaringan doa di peringkat global dan internasional. (Matius 24:42 - "Karena itu berjaga-jagalalah, sebab kamu tidak tahu pada hari mana Tuhanmu datang.")

PENGHARGAAN

Dengan penuh kesyukuran kita mengucapkan syukur kepada Allah Bapa, Tuhan kita Yesus Kristus dan persekutuan dalam Roh Kudus kerana oleh kekuatan kuasaNya yang besar menguatkan dan memampukan kita melalui doa dan puasa ini dengan berhasil. Kita memberi segala hormat dan kemuliaan hanyalah bagi Yesus Kristus yang layak disembah dan dipuji.

Dengan penuh hormat kita memberi penghargaan kepada Yang Dihormati Presiden-presiden SIB/BEM Sabah, Sarawak dan Semenanjung kerana telah menjadi bapa dan mengetuai kegerakan doa puasa yang bersejarah ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada Setiausaha Agung SIB/BEM kerana telah bekerja keras memastikan pelaksanaan doa puasa ini diadakan. Penghargaan juga diberikan kepada semua Penyelaras Doa SIB/BEM, Ahli Jawatankuasa Acara Pelancaran, Acara Kemuncak dan Media yang banyak meluangkan masa untuk menyiapkan buku doa puasa serta video-video promosi.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada semua Hamba-hamba Tuhan, Pemimpin-pemimpin dan para jemaat yang memberi komitmen untuk berdoa puasa mencari wajah Tuhan sepanjang 31 hari yang lalu.

Kita berdoa momentum kegerakan doa ini akan berterusan di sepanjang tahun 2024 ini dan tahun-tahun berikut. Gereja kita akan terus bergerak aktif dalam doa dan meneruskan jaringan doa sedia ada untuk mencetuskan penuaian jiwa besar dan kebangunan rohani nasional.

Tuhan Memberkati.

Pelaksana
Doa Puasa Kebangsaan 31 Hari
SIB/BEM